

PowerShot G1X Mark II

Panduan Pengguna Kamera

B.Malaysia

- Pastikan anda membaca panduan ini, termasuk bahagian "Peringatan Keselamatan" (📖8), sebelum menggunakan kamera.
- Membaca panduan ini akan membantu anda belajar menggunakan kamera dengan betul.
- Simpan panduan ini dengan selamat supaya anda boleh menggunakannya pada masa hadapan.
- Klik butang di bahagian bawah sebelah kanan untuk mengakses halaman yang lain.
 - ▶ : Halaman seterusnya
 - ◀ : Halaman sebelumnya
 - 🔍 : Halaman sebelum anda mengklik pautan
- Untuk melangkaui ke permulaan sesuatu bab, klik tajuk bab di bahagian kanan.
Dari halaman tajuk bab, anda boleh mengakses tajuk dengan mengklik tajuknya.

Sebelum
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan
Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod
Auto Hibrid

Mod Penangkapan
Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1,
dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Kandungan Bungkus

Sebelum penggunaan, pastikan item berikut disertakan dalam bungkus. Jika ada apa-apa yang hilang, hubungi peruncit kamera anda.




Kamera



Pek Bateri
NB-12L



Pengecas Bateri
CB-2LGE



Tali Sandang

Bahan Bercetak

- Kad memori tidak disertakan (📖2).

Kad Memori yang Serasi

Kad memori (dijual berasingan) berikut dapat digunakan, tidak kira kapasitinya.

- Kad memori SD*¹
- Kad memori SDHC*^{1*2}
- Kad memori SDXC*^{1*2}



*¹Kad mematuhi standard SD. Walau bagaimanapun, tidak semua kad memori telah disahkan untuk berfungsi dengan kamera.

*²Kad memori UHS-I juga disokong.

Nota Awalan dan Maklumat Undang-undang

- Ambil dan semak semula beberapa tangkapan ujian terlebih dahulu untuk memastikan imej dirakam dengan betul. Sila ambil perhatian bahawa Canon Inc., anak syarikat dan gabungan, serta pegerjanya tidak bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan yang timbul akibat daripada sebarang kepincangan pada kamera atau aksesori, termasuk kad memori, yang mengakibatkan kegagalan imej untuk dirakam atau untuk dirakam dengan cara yang boleh dibaca oleh mesin.
- Imej yang dirakam oleh kamera adalah untuk penggunaan peribadi. Elakkan rakaman tanpa izin yang melanggar undang-undang hak cipta, dan ambil perhatian bahawa walaupun untuk penggunaan peribadi, fotografi mungkin bertentangan dengan hak cipta atau hak undang-undang yang lain pada sesetengah pertunjukan atau pameran, atau di dalam persekitaran komersil.
- Jaminan kamera hanya sah di kawasan pembelian. Jika kamera bermasalah semasa berada di luar negara, kembali ke kawasan pembelian sebelum menghubungi Canon Customer Support Help Desk.
- Walaupun monitor LCD dihasilkan di dalam keadaan pembuatan ketepatan yang sangat tinggi dan lebih daripada 99.99% piksel memenuhi spesifikasi reka bentuk, dalam kes terpicil sesetengah piksel mungkin rosak atau kelihatan seperti titik merah atau hitam. Ini tidak menunjukkan kerosakan pada kamera atau mempengaruhi imej yang dirakam.
- Monitor LCD mungkin dilapisi dengan filem plastik nipis untuk melindungi daripada calar sewaktu pengiriman. Jika ada, tanggalkan filem sebelum penggunaan.
- Apabila kamera digunakan untuk jangka masa yang lama, ia mungkin menjadi panas. Ini tidak menandakan kerosakan.

Sebelum
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan
Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod
Auto Hibrid

Mod Penangkapan
Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1,
dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan


Aksesori

Lampiran


Indeks



Nama Komponen dan Kelaziman dalam Panduan ini



- ① Cagak tali
- ② Tuas zum
Penangkapan: $\langle \text{ikon telefoto} \rangle / \langle \text{ikon sudut lebar} \rangle$
Main balik: $\langle \text{ikon memperbesar} \rangle / \langle \text{ikon indeks} \rangle$
- ③ Lampu
- Gelang kawalan duaan
- ④ Gelang berperingkat
- ⑤ Gelang berterusan
- ⑥ Cagak tudung lensa/penyesuai penuras
- ⑦ Lensa
- ⑧ Dail mod
- ⑨ Butang pengatup
- ⑩ Butang kuasa
- ⑪ Mikrofon
- ⑫ Butang $\langle \text{ikon main balik} \rangle$ (Main balik)
- ⑬ Denyar
- ⑭ Suis $\langle \text{ikon denyar naik} \rangle$
- ⑮ Pembesar Suara
- ⑯ **N** (Tanda N)*¹
- ⑰ Soket tripod
- ⑱ Penutup kad memori/bateri
- ⑲ Port kabel pengganding DC



- ① Hot shoe / Penutup hot shoe
- ② Skrin (Monitor LCD)*²
- ③ Penunjuk
- ④ Butang $\langle \text{ikon MF} \rangle / \langle \text{ikon padam imej} \rangle$
- ⑤ Kawasan antenna Wi-Fi
- ⑥ Butang $\langle \text{ikon sambungan peranti} \rangle$ (Sambungan peranti mudah alih)
- ⑦ Butang filem
- ⑧ Butang $\langle \text{ikon pintasan} \rangle$ (Pintasan)
- ⑨ Terminal jauh
- ⑩ Terminal AV OUT (Output audio/video) / DIGITAL
- ⑪ Butang $\langle \text{ikon AF} \rangle / \langle \text{ikon penuras paparan imej} \rangle$
- ⑫ Terminal HDMI™
- ⑬ Butang $\langle \text{ikon MENU} \rangle$
- ⑭ Butang $\langle \text{ikon DISP.} \rangle$ (Paparannya)
- ⑮ Butang $\langle \text{ikon pendedahan} \rangle / \langle \text{ikon Wi-Fi} \rangle$ / Atas
- ⑯ Butang $\langle \text{ikon makro} \rangle$ (Makro) / Kiri
- ⑰ Dail kawalan
- ⑱ Butang FUNC./SET
- ⑲ Butang $\langle \text{ikon denyar} \rangle$ / Kanan
- ⑳ Butang $\langle \text{ikon ISO} \rangle$ (Kelajuan ISO) / Bawah

*1 Digunakan dengan ciri-ciri NFC (145).

*2 Gerak isyarat mungkin tidak dapat dikesan dengan mudah jika anda menggunakan pelindung pada skrin. Jika demikian, tingkatkan sensitiviti panel skrin sentuh (176).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



- Dalam panduan ini, ikon pada butang dan dail atau yang sebertuk dengannya digunakan untuk mewakili butang dan dail kamera.
- Butang dan kawalan kamera yang berikut diwakili oleh ikon.
 - <📷> Gelang berterusan ⑤ di hadapan
 - <📷> Gelang berperingkat ④ di hadapan
 - <▲> Butang atas ⑮ di belakang
 - <◀> Butang kiri ⑯ di belakang
 - <▶> Butang kanan ⑰ di belakang
 - <▼> Butang bawah ⑱ di belakang
 - <📷> Dail kawalan ⑰ di belakang
- Mod penangkapan dan ikon serta teks pada skrin ditunjukkan dalam tanda kurung siku.
- ⓘ: Maklumat penting yang anda patut tahu
- 📌: Nota dan tip bagi penggunaan pakar
- ✎: Menunjukkan operasi skrin sentuh
- 📖xx: Halaman dengan maklumat berkaitan (dalam contoh ini, “xx” mewakili nombor halaman)
- Arahan dalam panduan ini digunakan untuk kamera di bawah tetapan lalai.
- Untuk kemudahan, semua kad memori yang disokong hanya disebut sebagai “kad memori” sahaja.

- Tab yang ditunjukkan di atas tajuk menunjukkan sama ada fungsi digunakan untuk imej pegun, filem, atau kedua-duanya.

Imej Pegun : Menunjukkan bahawa fungsi tersebut digunakan apabila menangkap atau melihat imej pegun.

Filem : Menunjukkan bahawa fungsi tersebut digunakan apabila merakam atau menonton filem.



- Memutarakan dail kawalan ialah satu cara untuk memilih item tetapan, menukar imej dan melakukan operasi yang lain. Kebanyakan operasi tersebut juga boleh dilakukan dengan butang <▲><▼><◀><▶>.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Jadual Kandungan

Kandungan Bungkus2	Jam.....29
Kad Memori yang Serasi2	
Nota Awalan dan Maklumat	Mod Auto / Mod Auto Hibrid30
Undang-undang2	Menangkap dengan Tetapan yang
Nama Komponen dan Kelaziman	Ditentukan oleh Kamera31
dalam Panduan ini3	Ciri-Ciri Mudah dan Biasa38
Jadual Kandungan5	Gunakan ID Wajah.....43
Operasi Kamera Biasa7	Ciri Penyesuaian Imej.....49
Peringatan Keselamatan8	Ciri-Ciri Penangkapan
	Bermanfaat52
	Menyesuaikan Operasi Kamera ...54
Panduan Asas 11	Mod Penangkapan Lain56
Persediaan Awal12	Menikmati Pelbagai Imej
Mencuba Kamera17	daripada Setiap Tangkapan
	(Tangkapan Kreatif)57
Panduan Lanjutan 21	Pemandangan Tertentu.....58
	Kesan Imej (Penuras Kreatif).....61
Asas Kamera.....21	Mod Khas untuk Tujuan Lain67
Hidupkan/Matikan22	Merakam Pelbagai Filem75
Butang Pengatup23	Mod P.....77
Mod Penangkapan.....23	Penangkapan dalam AE Program
Melaraskan Sudut dan	(Mod [P])78
Orientasi Skrin24	Kecerahan Imej (Pendedahan)....78
Pilihan Paparan Tangkapan.....25	Warna Imej.....84
Menggunakan Menu FUNC.....25	Julat Penangkapan dan Fokus87
Menggunakan Menu26	Denyar96
Papan Kekunci Pada Skrin28	
Paparan Penunjuk29	

Tangkap Imej RAW98
Tetapan Lain99

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2..... 101

Kelajuan Pengatup Tertentu	
(Mod [Tv]).....102	
Nilai Apertur Tertentu	
(Mod [Av])103	
Kelajuan Pengatup dan Nilai	
Apertur Tertentu (Mod [M]).....103	
Penyesuaian Gaya	
Penangkapan.....105	
Menyesuaikan Menu FUNC.	
(Aturan Menu FUNC.).....108	

Mod Main balik..... 111

Melihat112
Semak lalu dan Menuras Imej ...116
Mengedit Maklumat ID Wajah....120
Pilihan Melihat Imej.....121
Melindungi Imej.....123
Memadam Imej.....126
Memutar Imej.....128
Mengetag Imej sebagai
Kesukaan129
Kawalan Mudah Menggunakan
Butang <[S]>130
Kawalan Mudah:
Tindakan Sentuh.....130
Mengedit Imej Pegun.....132
Mengedit Filem136

Fungsi Wi-Fi..... 139

Apa yang Boleh Anda Lakukan	
dengan Wi-Fi.....140	
Mendaftarkan	
Perkhidmatan Web142	
Memasang CameraWindow	
pada Telefon Pintar145	
Bersedia untuk Mendaftarkan	
Komputer146	
Mengakses Menu Wi-Fi148	
Menyambung melalui	
Pusat Akses149	
Menyambung tanpa	
Pusat Akses155	
Menyambung ke Kamera Lain...157	
Menghantar Imej.....158	
Menyimpan Imej ke dalam	
Komputer160	
Menggunakan Butang <[P]>161	
Menghantar Imej secara Automatik	
(Penyegerakan Imej)163	
Mengeotag Imej pada Kamera....165	
Menangkap secara	
Kawalan Jauh165	
Mengedit atau Memadam	
Tetapan Wi-Fi.....166	

Menu Tetapan..... 169

Melaraskan Fungsi	
Kamera Asas.....170	

Sebelum
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan
Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod
Auto Hibrid

Mod Penangkapan
Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1,
dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Aksesori179

Peta Sistem.....180
Aksesori Pilihan181
Menggunakan Aksesori Pilihan... 184
Menggunakan Perisian195
Mencetak Imej.....198

Lampiran206

Penyelesaian masalah.....207
Mesej Pada Skrin.....211
Maklumat Pada Skrin.....214
Jadual Fungsi dan Menu217
Peringatan Pengendalian228
Spesifikasi.....228
Indeks233
Peringatan Wi-Fi
(LAN Wayarles).....236

Sebelum
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan
Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod
Auto Hibrid

Mod Penangkapan
Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1,
dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetap

Aksesori

Lampiran

Indeks



Operasi Kamera Biasa

Tangkap

- Gunakan tetapan yang ditetapkan oleh kamera (Mod Auto, Mod Auto Hibrid)..... 31, 33
- Lihat beberapa kesan yang diaplikasikan kepada setiap tangkapan, menggunakan tetapan yang ditentukan kamera (Mod Tangkapan Kreatif)..... 57

Menangkap orang dengan baik



Potret
(58)



Terhadap Salji
(58)

Memadankan dengan pemandangan tertentu



Pemandangan Malam
(58)



Dalam Air
(58)



Bunga Api
(59)



Langit Berbintang
(70)

Menggunakan kesan khas



Warna Terang
(61)



Kesan Poster
(61)



Foto "Lama"
(63)



Kesan Mata Ikan
(63)



Kesan Miniatur
(64)



Kesan Kamera Mainan
(65)



Pengaburan Latar Belakang
(65)



Fokus Lembut
(66)



Monokrom
(66)

- Fokus pada wajah 31, 58, 92, 93
- Tanpa menggunakan denyar (Denyar Dinyahaktifkan)..... 96
- Masukkan diri anda sendiri dalam tangkapan (Pemasa Kendiri) 39, 69
- Tambah cop tarik..... 41
- Gunakan ID Wajah.....43, 115
- Klip filem dan foto bersama (Filem Ikhtisar)..... 33

Sebelum
Pergunaan

Panduan Asas

Panduan
Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod
Auto Hibrid

Mod Penangkapan
Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1,
dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



▶ Lihat

- Melihat imej (Mod Main balik)112
- Main balik automatik (Persembahan Slaid) 122
- Dalam TV184
- Dalam komputer.....196
- Semak lalu imej dengan pantas116
- Padam imej 126

🗨️ Rakam/Lihat Filem

- Merakam filem..... 31, 75
- Melihat filem (Mod Main balik)112

🖨️ Cetak

- Cetak imej 198

💻 Simpan

- Simpan imej ke komputer melalui kabel 196

🌐 Menggunakan Fungsi Wi-Fi

- Hantar imej ke telefon pintar 141
- Kongsi imej di dalam talian142
- Hantar imej ke komputer 163

⚠️ Peringatan Keselamatan

- Sebelum menggunakan produk ini, pastikan anda telah membaca peringatan keselamatan yang dijelaskan di bawah. Sentiasa pastikan produk digunakan dengan betul.
- Peringatan keselamatan yang dijelaskan di sini adalah untuk menghalang anda atau orang lain daripada mendapat kecederaan atau menimbulkan kerosakan harta benda.
- Pastikan juga untuk melihat panduan yang disertakan untuk setiap aksesori yang dijual berasingan yang anda gunakan.

⚠️ Amaran

Menandakan kemungkinan kecederaan yang serius atau kematian.

- **Jangan gunakan denyar dalam jarak yang dekat dengan mata orang.** Pendedahan kepada cahaya terlalu terang yang dihasilkan oleh denyar mungkin merosakkan penglihatan. Secara khususnya, kekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter (3.3 kaki) dari bayi apabila menggunakan denyar.
- **Simpan peralatan ini di luar capaian kanak-kanak dan bayi.** Tali yang terilit di keliling leher anak kecil mungkin menyebabkan sesak nafas. Jika produk anda menggunakan kord kuasa, melilit kord di keliling leher anak kecil dengan tidak sengaja mungkin akan menyebabkan sesak nafas. Penutup hot shoe adalah berbahaya jika ditelan. Jika terjadi begitu, hubungi doktor secepat mungkin.
- **Gunakan sumber kuasa yang disarankan sahaja.**
- **Jangan membuka, mengubah suai atau mengenakan haba terhadap produk.**
- **Elakkan daripada menjatuhkan atau mendedahkan produk terhadap hentakan yang kuat.**
- **Jangan menyentuh bahagian dalaman produk jika ia rosak, seperti apabila ia jatuh.**
- **Berhenti menggunakan produk dengan segera jika produk mengeluarkan asap atau bau aneh, atau berfungsi secara abnormal.**
- **Jangan gunakan pelarut organik seperti alkohol, benzin, atau pencair untuk membersihkan produk.**

Sebelum
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan
Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod
Auto Hibrid

Mod Penangkapan
Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1,
dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



- **Elakkan daripada bersentuhan dengan cecair, dan jangan benarkan cecair atau objek asing memasuki produk.**

Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

Jika produk basah, atau jika cecair atau objek asing masuk ke dalam produk, keluarkan pek bateri/bateri atau cabut palam dengan segera.

- **Jangan melihat melalui pemedang tilik (jika model kamera anda mempunyai pemedang tilik) pada sumber cahaya yang terlalu terang, seperti matahari pada hari yang cerah atau sumber cahaya buatan yang terlalu terang.**

Ini boleh merosakkan penglihatan anda.

- **Jangan sentuh produk semasa ribut petir jika ia dipasang pada sumber kuasa.**

Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran. Berhenti menggunakan produk dengan segera dan jarakkan diri anda daripadanya.

- **Gunakan pek bateri/bateri yang disarankan sahaja.**
- **Jangan letakkan pek bateri/bateri berhampiran atau pada nyalaan api.** Ini mungkin menyebabkan pek bateri/bateri meletup atau bocor, mengakibatkan kejutan elektrik, kebakaran, atau kecederaan. Jika cecair elektrolit bateri yang bocor terkena pada mata, mulut, kulit, atau baju, segera basuh dengan air.
- **Jika kamera anda menggunakan pengecas bateri, ambil perhatian terhadap peringatan berikut.**
 - Cabut palam kord kuasa secara berkala dan, menggunakan kain kering, lapkan sebarang debu atau kotoran yang terkumpul pada palam, bahagian luaran saluran keluar kuasa, dan kawasan sekelilingnya.
 - Jangan masukkan atau cabut palam dengan tangan basah.
 - Jangan gunakan peralatan melebihi kadar kapasiti sumber kuasa elektrik yang telah ditetapkan atau aksesori pendawaian. Jangan gunakan jika palam rosak atau tidak dipasang sepenuhnya pada saluran keluar kuasa.
 - Lindungi terminal atau palam daripada bersentuhan dengan debu atau benda logam (seperti pin atau kunci).
 - Jangan potong, rosakkan, ubah atau letakkan benda berat di atas kord kuasa, jika produk anda menggunakan kord kuasa.

Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

- **Matikan kamera di tempat yang melarang penggunaan kamera.**

Gelombang elektromagnet yang dipancarkan oleh kamera mungkin mengganggu operasi instrumen elektronik dan peranti lain. Berhati-hati apabila menggunakan produk di tempat yang menghadkan penggunaan peranti elektronik, seperti di dalam kapal terbang dan kemudahan perubatan.



Peringatan

Menandakan kemungkinan kecederaan.

- **Apabila membawa produk dengan tali, berhati-hati agar kamera tidak terhentam, terkena getaran atau impak yang kuat, atau tersangkut pada objek lain.**
- **Berhati-hati untuk melindungi lensa daripada terhantuk atau ditekan keras.**

Hal ini dapat menyebabkan kecederaan dan kerosakan kamera.

- **Lindungi skrin daripada hentakan kuat.**

Jika skrin retak, kecederaan mungkin berlaku akibat serpihan yang pecah.

- **Apabila menggunakan denyar, berhati-hati agar denyar tidak ditutup oleh tangan atau pakaian anda.**

Hal ini dapat menyebabkan melecur atau kerosakan pada denyar.

- **Elakkan daripada menggunakan, menempatkan, atau menyimpan produk di tempat-tempat berikut:**

- Tempat yang terkena sinaran matahari secara langsung
- Tempat dengan suhu melebihi 40 °C (104 °F)
- Tempat lembap atau berdebu

Ini mungkin menyebabkan kebocoran, pemanasan berlebihan, atau letupan pek bateri/bateri, yang mengakibatkan kejutan elektrik, kebakaran, melecur, atau kecederaan lain.

Pemanasan berlebihan dan kerosakan mungkin mengakibatkan kejutan elektrik, kebakaran, melecur, atau kecederaan lain.

- **Kesan peralihan slaid mungkin menyebabkan ketidakselesaan apabila dilihat untuk jangka masa yang lama.**

Sebelum
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan
Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod
Auto Hibrid

Mod Penangkapan
Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1,
dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



- **Apabila menggunakan lensa pilihan, penapis lensa, atau penyesuai penapis (jika dapat diaplikasikan), pastikan untuk memasang aksesori ini dengan kukuh.**

Jika aksesori lensa menjadi longgar atau terjatuh, lensa mungkin retak, dan serpihan kaca tersebut mungkin menyebabkan luka.

- **Pada produk yang menaikkan atau menurunkan denyar secara automatik, pastikan untuk tidak menyentuh denyar yang sedang menurun dengan jari anda.**

Hal ini dapat mengakibatkan kecederaan.

Peringatan

Menandakan kemungkinan kerosakan harta.

- **Jangan halakan kamera ke sumber cahaya yang terlalu terang, seperti matahari pada hari yang cerah atau sumber cahaya buatan yang terlalu terang.**

Berbuat sedemikian mungkin merosakkan pengesanan imej atau komponen dalaman lain.

- **Apabila menggunakan kamera di pantai berpasir atau lokasi yang berangin, berhati-hati agar debu atau pasir tidak masuk ke dalam kamera.**
- **Bagi produk yang dapat menaikkan atau menurunkan denyar secara automatik, jangan tolak denyar ke bawah atau membukanya.**

Hal ini mungkin menyebabkan kepincangan produk.

- **Lapkan sebarang habuk, kotoran, atau benda asing pada denyar dengan swab kapas atau kain.**

Haba yang dikeluarkan oleh denyar mungkin menyebabkan benda asing berasap atau kepincangan produk.

- **Keluarkan dan simpan pek bateri/bateri apabila produk tidak digunakan.** Sebarang kebocoran bateri yang berlaku boleh merosakkan produk.

- **Sebelum anda membuang pek bateri/bateri, tutup terminal dengan pita atau penebat lain.**

Bersentuhan dengan material logam lain mungkin menyebabkan kebakaran atau letupan.

- **Cabut mana-mana palam pengecas bateri yang digunakan bersama produk apabila tidak menggunakannya. Jangan tutup dengan kain atau objek lain apabila digunakan.**

Membiarkan unit di palam masuk untuk tempoh yang terlalu lama mungkin menyebabkan pemanasan berlebihan dan kerosakan, mengakibatkan kebakaran.

- **Jangan tinggalkan pek bateri berhampiran dengan haiwan peliharaan.** Gigitan haiwan peliharaan pada pek bateri boleh menyebabkan kebocoran, pemanasan berlebihan atau letupan, yang mengakibatkan kebakaran atau kerosakan produk.

- **Jika produk anda menggunakan berbilang bateri, jangan gunakan bateri yang mempunyai tahap cas berbeza secara bersama, dan jangan gunakan bateri lama dan baharu bersama. Jangan masukkan bateri dengan terminal + dan – terbalik.**

Hal ini mungkin menyebabkan kepincangan produk.

- **Jangan duduk dengan kamera berada di dalam poket seluar anda.** Berbuat demikian mungkin menyebabkan kepincangan atau merosakkan skrin.

- **Apabila meletakkan kamera di dalam beg anda, pastikan bahawa objek yang keras tidak bersentuhan dengan skrin kamera. Juga tutup skrin (supaya skrin menghadap badan), jika skrin produk boleh ditutup.**
- **Jangan pasang sebarang objek keras pada produk.**

Berbuat demikian mungkin menyebabkan kepincangan atau merosakkan skrin.



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Panduan Asas

Maklumat dan arahan asas, dari persediaan awal ke tangkapan dan main balik

Persediaan Awal	12	Memasukkan Pek Bateri dan Kad Memori.....	13	Mencuba Kamera	17
Memasang Tali.....	12	Menetapkan Tarikh dan Masa	15	Penangkapan (Auto Pintar).....	17
Memegang Kamera.....	12	Bahasa Paparan	16	Melihat.....	19
Mengecas Pek Bateri.....	12				

Sebelum
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan
Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod
Auto Hibrid

Mod Penangkapan
Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1,
dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks



Persediaan Awal


Bersedia untuk menangkap seperti berikut.

Memasang Tali



- Pasang tali yang dibekalkan dengan kamera seperti yang ditunjukkan pada gambar.
- Pada sisi lain kamera, pasang tali dengan cara yang sama.



Memegang Kamera



- Apabila menangkap, pastikan lengan anda dekat dengan badan anda dan pegang kamera dengan mantap untuk mencegah kamera bergerak. Jika anda telah menaikkan denyar, jangan letakkan jari anda di atas denyar.

Mengecas Pek Bateri

Sebelum penggunaan, cas pek bateri dengan pengecas yang disertakan. Pastikan untuk mengecas pek bateri terlebih dahulu, kerana kamera tidak dijual dengan pek bateri yang telah dicas.



1 Masukkan pek bateri.

- Selepas menjajarkan tanda ▲ pada pek bateri dan pengecas bateri, masukkan pek bateri dengan menolaknya ke dalam (①) dan ke bawah (②).

2 Caskan pek bateri.

- Pasangkan kord kuasa ke dalam pengecas, kemudian masukkan hujung lain ke dalam saluran keluar kuasa.
- Lampu pengecasan akan menyala jingga dan pengecasan bermula.
- Apabila pengecasan selesai, warna lampu akan berubah menjadi hijau.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi


Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





3 Keluarkan pek bateri.

- Setelah mencabut pengecas bateri, keluarkan pek bateri dengan menolaknya ke dalam (1) dan ke atas (2).




- Untuk melindungi pek bateri dan mengekalkannya dalam keadaan optimum, jangan casnya melebihi 24 jam secara berterusan.
- Bagi pengecas bateri yang menggunakan kord kuasa, jangan pasang kord kuasa atau kord pada objek lain. Hal ini mungkin menyebabkan kepincangan atau kerosakan produk.



- Untuk butiran mengenai masa pengecasan dan bilangan tangkapan dan masa rakaman yang tersedia dengan pek bateri yang telah dicaskan penuh, lihat "Bilangan Tangkapan/Masa Rakaman, Masa Main balik" (173).
- Pek bateri yang telah dicaskan penuh akan kehilangan cas sedikit demi sedikit, walaupun kamera tidak digunakan. Caskan pek bateri pada (atau dengan segera sebelum) hari penggunaan.
- Pengecas boleh digunakan di kawasan dengan kuasa 100 – 240 V AC (50/60 Hz). Bagi saluran keluar kuasa dalam format lain, gunakan penyesuai yang tersedia secara komersial untuk palam. Jangan gunakan transformer elektrik yang direka untuk pelancongan, kerana ia mungkin merosakkan pek bateri.


Memasukkan Pek Bateri dan Kad Memori

Masukkan pek bateri yang dibekalkan dan kad memori (dijual berasingan). Sila ambil perhatian bahawa sebelum menggunakan kad memori yang baharu (atau kad memori yang diformat dalam peranti lain), anda patut format kad memori menggunakan kamera ini (173).



1 Buka penutup.

- Luncurkan penutup (1) dan bukanya (2).



2 Masukkan pek bateri.

- Sewaktu menekan kunci bateri mengikut arah anak panah, masukkan pek bateri seperti yang ditunjukkan dan tolakkan bateri hingga klik ke posisi terkunci.
- Jika dimasukkan dengan arah yang salah, pek bateri tidak dapat dikunci di posisi yang betul. Selalu pastikan pek bateri dimasukkan dengan arah betul dan dikunci selepas itu.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi


Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks






Label

3 Periksa tab perlindungan tulis kad dan masukkan kad memori.

- Rakaman tidak mungkin bagi kad memori yang mempunyai tab perlindungan tulis jika tab dalam posisi terkunci. Luncurkan tab ke posisi tidak terkunci.
- Masukkan kad memori menghadap seperti yang ditunjukkan pada imej sehingga ia klik ke posisi terkunci.
- Pastikan kad memori menghadap arah yang betul apabila dimasukkan. Memasukkan kad memori dengan arah yang salah mungkin merosakkan kamera.



4 Tutup penutup.

- Turunkan penutup (①) dan tahan ke bawah apabila anda meluncurkannya, sehingga penutup klik masuk ke posisi tertutup (②).



- Untuk panduan tentang jumlah tangkapan atau masa rakaman yang boleh disimpan dalam satu kad memori, lihat "Bilangan Tangkapan 3:2 bagi setiap Kad Memori" (📖230).

■ Mengeluarkan Pek Bateri dan Kad Memori



Keluarkan pek bateri.

- Buka penutup bateri dan tekan kunci bateri mengikut arah anak panah.
- Pek bateri akan pop ke atas.

Keluarkan kad memori.

- Tolak kad memori sehingga anda merasakan klik, dan kemudian lepaskannya secara perlahan.
- Kad memori akan pop ke atas.

Sebelum
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan
Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod
Auto Hibrid

Mod Penangkapan
Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1,
dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks




Menetapkan Tarikh dan Masa

Jika skrin [Hb/Masa] dipaparkan apabila anda menghidupkan kamera, tetapkan tarikh dan masa yang betul seperti cara berikut. Maklumat yang ditetapkan begitu akan disimpan dalam sifat imej apabila menangkap dan ia akan digunakan dalam pengurusan imej melalui tarikh tangkapan atau pencetakan imej dengan tarikh. Anda juga boleh menambah cop tarikh pada tangkapan, jika anda inginkan (41).



1 Hidupkan kamera.

- Tekan butang kuasa.
- Skrin [Hb/Masa] dipaparkan.



2 Tetapkan tarikh dan masa.

- Tekan butang <◀>>> untuk memilih pilihan.
- Tekan butang <▲>><▼> atau putar dail <⦿> untuk menentukan tarikh dan masa.
- Apabila selesai, tekan butang <FUNC SET>.



3 Tetapkan zon masa tempatan.

- Tekan butang <◀>>> untuk memilih zon masa tempatan anda.

4 Tamatkan proses penyediaan.

- Tekan butang <FUNC SET> apabila selesai. Selepas mesej pengesahan, skrin tetapan tidak lagi dipaparkan.
- Untuk mematikan kamera, tekan butang kuasa.

! • Kalau anda tidak menetapkan tarikh, masa dan zon masa tempatan, skrin [Hb/Masa] akan dipaparkan setiap kali anda hidupkan kamera. Tentukan maklumat yang betul.

✎ • Untuk menetapkan waktu jimat siang (1 jam lebih awal), pilih [☀️] dalam langkah 2 dan kemudian pilih [☀️] dengan menekan butang <▲>><▼> atau memutar dail <⦿>.

✎ • Anda juga boleh menetapkan tarikh dan masa dengan menyentuh pilihan yang diinginkan pada skrin dalam langkah 2 dan kemudian menyentuh [▲] [▼], diikuti dengan [SET]. Begitu juga, anda boleh menetapkan zon masa tempatan dengan menyentuh [◀] [▶] pada skrin dalam langkah 3, kemudian diikuti dengan [SET].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Mengubah Tarikh dan Masa

Laraskan tarikh dan masa seperti berikut.




1 Akses menu kamera.

- Tekan butang <MENU>.



2 Pilih [Hb/Masa].

- Gerakkan tuas zum untuk memilih tab [YT].
- Tekan butang <▲>/<▼> atau putar dail <◀▶> untuk memilih [Hb/Masa], dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.



3 Tukarkan tarikh dan masa.


- Ikut langkah 2 dalam "Menetapkan Tarikh dan Masa" (📖15) untuk melaraskan tetapan.
- Tekan butang <MENU> untuk menutup menu.



- Tetap tarikh/masa boleh dikekalkan selama kira-kira 3 minggu dengan bateri tarikh/masa terbina dalam kamera (bateri sandaran) selepas pek bateri dikeluarkan.
- Bateri tarikh/masa akan dicaskan penuh dalam kira-kira 4 jam sebaik sahaja anda memasukkan pek bateri yang dicaskan penuh atau menghubungkan kamera kepada kit penyesuai AC (dijual berasingan, 📖181), walaupun kamera dibiarkan tidak aktif.
- Sebaik sahaja bateri tarikh/masa habis dicaskan, skrin [Hb/Masa] akan dipaparkan apabila anda menghidupkan kamera. Tetapkan tarikh dan masa yang betul seperti dijelaskan dalam "Menetapkan Tarikh dan Masa" (📖15).


Bahasa Paparan

Tukar bahasa paparan mengikut kesesuaian.



1 Masuk ke mod Main balik.

- Tekan butang <▶>.



2 Akses skrin tetapan.

- Tekan dan tahan butang <FUNC SET>, dan kemudian tekan butang <MENU> dengan segera.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





3 Tetapkan bahasa paparan.

- Tekan butang <▲><▼><◀><▶> atau putar dail <FUNC SET> untuk memilih bahasa, dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.
- Sebaik sahaja bahasa paparan ditetapkan, skrin tetapan tidak lagi dipaparkan.



- Masa semasa akan dipaparkan jika anda tunggu terlalu lama dalam langkah 2 selepas menekan butang <FUNC SET>, sebelum menekan butang <MENU>. Jika demikian, tekan butang <FUNC SET> untuk mengabaikan paparan masa dan ulangi langkah 2.
- Anda juga boleh menukar bahasa paparan dengan menekan butang <MENU> dan memilih [Bahasa] pada tab [↑].



- Anda juga boleh menetapkan bahasa paparan dengan menyentuh bahasa pada skrin dalam langkah 3 dan kemudian menyentuhnya sekali lagi.

Mencuba Kamera


Imej Pegun

Filem

Ikut arahan berikut untuk menghidupkan kamera, menangkap imej pegun atau filem, dan kemudian melihatnya.

Penangkapan (Auto Pintar)

Untuk pemilihan automatik penuh pada tetapan optimum untuk suasana tertentu, biarkan kamera menentukan subjek dan keadaan penangkapan.



1 Hidupkan kamera.

- Tekan butang kuasa.
- Skrin permulaan dipaparkan.

2 Masuk ke mod [AUTO].

- Tetapkan dail mod ke [AUTO].
- Halakan kamera ke arah subjek. Kamera akan berbunyi klik sedikit ketika ia menentukan pemandangan.
- Ikon yang mewakili pemandangan dan mod penstabilan imej dipaparkan di sebelah kiri atas skrin.
- Bingkai yang dipaparkan di sekitar subjek yang dikesan menandakan subjek tersebut sedang dalam fokus.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi


Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks





3 Gubah tangkapan.


- Untuk mengezum ke dalam dan memperbesar subjek, gerakkan tuas zum ke arah $\langle \text{ikon} \rangle$ (telefoto), dan untuk mengezum ke luar dari subjek, gerakkannya ke arah $\langle \text{ikon} \rangle$ (sudut lebar).




4 Tangkap. Menangkap Imej Pegun

1 Fokus.

- Tekan butang pengatup dengan perlahan, separuh ke bawah. Kamera akan berbunyi bip dua kali setelah fokus, dan bingkai AF dipaparkan untuk menunjukkan kawasan imej yang dalam fokus.



- Jika [Naikkan flash] dipaparkan pada skrin, gerakkan suis $\langle \text{ikon} \rangle$ untuk menaikkan denyar. Denyar akan beryala apabila menangkap. Jika anda lebih suka tidak menggunakan denyar, tekannya ke bawah dengan jari anda, ke dalam kamera.



2Tangkap.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.
- Bunyi pengatup akan berbunyi ketika menangkap, dan dalam keadaan cahaya malam, denyar akan beryala secara automatik.
- Pastikan kamera tidak bergerak sehingga bunyi pengatup berhenti.
- Selepas memaparkan tangkapan anda, kamera akan kembali ke skrin penangkapan.



Masa Berlalu



Merakam Filem

1Mula merakam.

- Tekan butang filem. Kamera berbunyi bip sekali apabila rakaman bermula dan [●Rec] dipaparkan dengan masa berlalu.
- Bar hitam dipaparkan di hujung atas dan bawah skrin, dan subjek akan diperbesarkan sedikit. Bar hitam menunjukkan kawasan imej yang tidak dirakam.
- Bingkai yang dipaparkan di sekitar wajah yang dikesan menandakan wajah dikesan sedang dalam fokus.
- Sebaik sahaja rakaman bermula, jauhkan jari anda dari butang filem.


2Selesai rakaman.

- Tekan butang filem sekali lagi untuk menghentikan rakaman. Ketika rakaman dihentikan, kamera berbunyi bip dua kali.



Melihat

Selepas menangkap imej atau merakam filem, anda boleh melihatnya pada skrin seperti berikut.




1 Masuk ke mod Main balik.

- Tekan butang <▶>.
- Tangkapan terakhir anda dipaparkan.

2 Semak lalu imej anda.

- Untuk melihat imej sebelumnya, tekan butang <◀> atau putar dail <⦿> melawan arah jam. Untuk melihat imej berikutnya, tekan butang <▶> atau putar dail <⦿> mengikut arah jam.
- Tekan dan tahan butang <◀><▶> untuk menyemak lalu imej dengan cepat.



Volum

- Untuk mengakses mod Paparan Tatal, putar dail <⦿> dengan cepat. Dalam mod ini, putar dail <⦿> untuk menyemak lalu imej.
- Tekan butang <⦿> untuk kembali ke paparan imej tunggal.
- Filem dikenal pasti dengan ikon [SET▶]. Untuk memainkan filem, pergi ke langkah 3.

3 Mainkan filem.

- Tekan butang <⦿> untuk mengakses panel kawalan filem, pilih [▶] (sama ada menekan butang <◀><▶> atau putar dail <⦿>), dan kemudian tekan butang <⦿> sekali lagi.
- Main balik kini bermula, dan setelah filem tamat, [SET▶] dipaparkan.
- Tekan butang <▲><▼> untuk melaraskan volum.



- Untuk menukar ke mod Penangkapan dari mod Main balik, tekan butang pengatup separuh ke bawah.

Sebelum
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan
Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod
Auto Hibrid

Mod Penangkapan
Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1,
dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Operasi Skrin Sentuh



- Untuk melihat imej berikutnya, seret ke kiri melintasi skrin dalam langkah 2, dan seret ke kanan untuk melihat imej sebelumnya.
- Untuk mengakses mod Paparan Tatal, seret ke kiri atau ke kanan dengan cepat berulang kali.
- Untuk kembali ke paparan imej tunggal daripada mod Paparan Tatal, sentuh imej di bahagian tengah skrin.
- Pilih filem, dan sentuh [▶] untuk memulakan main balik.
- Untuk melaraskan volumn ketika main balik, seret ke atas atau ke bawah dengan cepat melintasi skrin.

■ Memadam Imej

Anda boleh memilih dan memadam imej yang tidak diperlukan satu demi satu. Berhati-hati apabila memadam imej, kerana imej yang dipadam tidak boleh dikembalikan.



1 Pilih imej untuk padam.

- Tekan butang <◀><▶> atau putar dail <⦿> untuk memilih imej.

2 Padam imej.

- Tekan butang <🗑️>.
- Selepas [Padam?] dipaparkan, tekan butang <◀><▶> atau putar dail <⦿> untuk memilih [Padam], dan kemudian tekan butang <⦿(FUNC SET)>.
- Imej semasa kini dipadamkan.
- Untuk membatalkan pemadaman, tekan butang <◀><▶> atau putar dail <⦿> untuk memilih [Batal], dan kemudian tekan butang <⦿(FUNC SET)>.



- Anda juga boleh memadam semua imej sekali gus (📖126).



- Anda juga boleh memadam imej semasa dengan menyentuh [Padam] pada skrin dalam langkah 2.
- Imej juga boleh dipadam melalui Tindakan Sentuh (📖130).

Sebelum
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan
Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod
Auto Hibrid

Mod Penangkapan
Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1,
dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks




Asas Kamera

Operasi asas yang lain dan lebih banyak cara untuk menikmati kamera anda, termasuk pilihan penangkapan dan main balik

Hidupkan/Matikan	22	Pilihan Paparan Tangkapan	25
Ciri Jimat Kuasa (Mati Secara Auto)	22	Menggunakan Menu FUNC	25
Butang Pengekalan	23	Menggunakan Menu	26
Mod Penangkapan	23	Papan Kekunci Pada Skrin	28
Melaraskan Sudut dan Orientasi Skrin	24	Paparan Penunjuk	29
Mencondongkan Skrin ke Bawah.....	24	Jam	29
Mencondongkan Skrin ke Atas.....	24		



Hidupkan/Matikan



Mod Penangkapan

- Tekan butang kuasa untuk menghidupkan kamera dan bersedia untuk penangkapan.
- Untuk mematikan kamera, tekan butang kuasa sekali lagi.



Mod Main balik

- Tekan butang <▶> untuk menghidupkan kamera dan melihat tangkapan anda.
- Untuk mematikan kamera, tekan butang <▶> sekali lagi.



- Untuk menukar ke mod Main balik daripada mod Penangkapan, tekan butang <▶>.
- Untuk menukar ke mod Penangkapan daripada mod Main balik, tekan butang pengatup separuh ke bawah (📖23).
- Lensa akan ditarik balik selepas kira-kira satu minit sebaik sahaja kamera berada dalam mod Main balik. Anda boleh matikan kamera ketika lensa ditarik balik dengan menekan butang <▶>.

Ciri Jimat Kuasa (Mati Secara Auto)

Sebagai satu cara untuk menjimatkan kuasa bateri, kamera akan menyahaktifkan skrin secara automatik (Paparannya Dimatikan) dan kemudian terpadam dengan sendiri selepas tempoh ketidakaktifan yang tertentu.

Jimat Kuasa dalam Mod Penangkapan

Skrin dinyahaktifkan secara automatik selepas ketidakaktifan selama kira-kira satu minit. Dalam kira-kira dua minit selepas itu, lensa ditarik balik dan kamera mematikan sendiri. Untuk mengaktifkan skrin dan menyediakan tangkapan apabila skrin dimatikan tetapi lensa masih di luar, tekan butang pengatup separuh ke bawah (📖23).

Jimat Kuasa dalam Mod Main balik

Kamera mematikan sendiri secara automatik selepas ketidakaktifan selama kira-kira lima minit.



- Anda boleh menyahaktifkan Mati secara Auto dan melaraskan masa Paparan Dimatikan, jika anda suka (📖172).
- Jimat kuasa tidak aktif semasa kamera disambung ke peranti lain melalui Wi-Fi (📖139), atau apabila disambung ke komputer (📖196).

Sebelum
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan
Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod
Auto Hibrid

Mod Penangkapan
Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1,
dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks



Butang Pengatup


Untuk memastikan tangkapan anda berada dalam fokus, sentiasa bermula dengan menahan butang pengatup separuh ke bawah, dan sebaik sahaja subjek berada dalam fokus, tekan butang sepenuhnya ke bawah untuk menangkup.

Dalam manual ini, operasi butang pengatup diterangkan sebagai menekan butang *separuh* atau *sepenuhnya ke bawah*.



1 Tekan butang separuh ke bawah. (Tekan dengan perlahan untuk fokus.)

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. Kamera akan berbunyi bip dua kali, dan bingkai AF dipaparkan di sekeliling kawasan imej yang dalam fokus.



2 Tekan sepenuhnya ke bawah. (Dari posisi separa, tekan sepenuhnya untuk menangkup.)

- Kamera menangkup apabila bunyi pengatup dimainkan.
- Pastikan kamera tidak bergerak sehingga bunyi pengatup berhenti.



- Imej mungkin keluar dari fokus jika anda menangkup tanpa menekan butang pengatup separuh ke bawah terlebih dahulu.
- Panjang tempoh main balik bunyi pengatup berbeza bergantung pada masa yang diperlukan untuk tangkapan. Ia mungkin mengambil masa yang lebih lama dalam beberapa pemandangan tangkapan, dan imej akan menjadi kabur jika anda menggerakkan kamera (atau subjek bergerak) sebelum bunyi pengatup berhenti.

Mod Penangkapan

Gunakan dail mod untuk mengakses setiap mod penangkapan.

Mod Auto /

Mod Auto Hibrid

Tangkapan automatik penuh, dengan tetapan yang ditetapkan oleh kamera (📖17, 31, 33).

Mod Tangkapan Kreatif

Anda boleh mengambil berbilang imej pegun yang mempunyai kesan dengan menggunakan tetapan ditentukan kamera (📖57).

Mod Pemandangan Khas

Tangkap dengan tetapan optimum untuk pemandangan tertentu (📖58).

Mod P, Tv, Av, M, C1, dan C2

Ambil pelbagai jenis gambar menggunakan tetapan kegemaran anda (📖77, 101).

Mod Filem

Untuk merakam filem (📖75). Anda juga boleh merakam filem apabila dail mod tidak ditetapkan ke mod Filem, hanya tekan butang filem.

Mod Penuras Kreatif

Tambah pelbagai kesan kepada imej semasa menangkup (📖61).



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks



Melaraskan Sudut dan Orientasi Skrin


Anda boleh melaraskan orientasi dan sudut skrin supaya sesuai dengan pemandangan atau cara anda menangkap.

Mencondongkan Skrin ke Bawah




- Tarik bahagian atas skrin ke bawah.
- Skrin boleh dicondongkan sehingga 45° ke bawah.

Mencondongkan Skrin ke Atas



- Angkat bahagian bawah skrin ke atas sehingga ia klik (①), luncurkan bahagian atas skrin ke bawah (②), dan kemudian angkat bahagian bawah skrin (③) ke atas sekali lagi.
- Skrin boleh dicondongkan sehingga 180° ke atas.
- Dalam mod penangkapan, apabila anda memasukkan diri anda dalam tangkapan dengan mencondongkan skrin ke arah hadapan kamera, imej cermin akan dipaparkan, dengan imej tersebut diterbalikkan secara melintang. Untuk membatalkan paparan terbalik, tekan butang <MENU>, pilih [Papar Terbalik] pada tab [📷], dan tekan butang <<>> untuk memilih [Padam].



- Apabila selesai, condongkan skrin ke belakang untuk menurunkannya (①), dan kemudian luncurkan ia ke atas sehingga ia klik (②).



- Apabila kamera tidak digunakan, pastikan skrin ditutup.
- Berhati-hati untuk tidak membuka skrin melebihi itu, kerana tindakan itu akan merosakkan kamera.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Pilihan Paparan Tangkapan

Tekan butang <DISP.> untuk melihat maklumat lain pada skrin, atau menyembunyikan maklumat. Untuk butiran tentang maklumat yang dipaparkan, lihat “Maklumat Pada Skrin” (📖214).



Paparan 1

Paparan 2



- Kecerahan skrin bertambah secara automatik oleh fungsi pandangan malam apabila anda menangkap dalam cahaya malap, menjadikannya lebih mudah untuk memeriksa bagaimana tangkapan dihasilkan. Walau bagaimanapun, kecerahan imej pada skrin mungkin tidak sepadan dengan kecerahan tangkapan anda. Sila ambil perhatian bahawa apa-apa gangguan imej pada skrin atau gerakan subjek yang tersentak-sentak tidak akan mempengaruhi imej yang dirakam.
- Bagi pilihan paparan main balik, lihat “Menukar Mod Paparan” (📖114).

Menggunakan Menu FUNC.

Konfigurasi fungsi tangkapan yang biasa digunakan melalui menu FUNC. seperti berikut.

Sila ambil perhatian bahawa item menu dan pilihan berbeza bergantung pada mod penangkapan (📖219 – 221).



1 Akses menu FUNC.

- Tekan butang <FUNC.SET>.



Pilihan

Item Menu

2 Pilih item menu.

- Tekan butang <▲><▼> atau putar gelang <([MENU])> untuk memilih item menu.
- Pilihan yang disediakan ditunjukkan di bahagian bawah skrin.



3 Pilih pilihan.

- Tekan butang <◀><▶> atau putar dail <([MENU])> untuk memilih pilihan.
- Pilihan yang dilabelkan dengan ikon [MENU] boleh dikonfigurasi dengan menekan butang <MENU>.
- Pilihan yang dilabelkan dengan ikon [DISP] boleh dikonfigurasi dengan menekan butang <DISP.>.
- Pilihan yang dilabelkan dengan ikon <([MENU])> boleh dikonfigurasi dengan memutar gelang <([MENU])>.





4 Tamatkan proses penyediaan.

- Tekan butang <FUNC SET>.
- Skrin sebelum anda menekan butang <FUNC SET> pada langkah 1 akan dipaparkan semula, menunjukkan pilihan yang dikonfigurasi oleh anda.



- Untuk membatalkan apa-apa perubahan tetapan yang tidak disengajakan, anda boleh memulihkan tetapan lalai kamera (📖178).



Menggunakan Operasi Skrin Sentuh untuk Mengkonfigurasi Tetapan




Pilihan
Item Menu

- Tekan butang <FUNC SET> untuk mengakses menu FUNC., dan kemudian sama ada seret menu ke atas atau ke bawah untuk menatalnya, atau sentuh item menu untuk memilihnya.
- Sentuh pilihan untuk memilihnya. Sentuh pilihan sekali lagi untuk mengesahkan pilihan anda dan kembali ke skrin yang dipaparkan sebelum anda menekan butang <FUNC SET>.
- Anda boleh mengakses skrin untuk pilihan yang dilabelkan dengan ikon [MENU] dengan menyentuh [MENU].
- Anda boleh mengakses skrin untuk pilihan yang dilabelkan dengan ikon [DISP] dengan menyentuh [DISP].

Menggunakan Menu

Konfigurasikan pelbagai fungsi kamera melalui menu yang lain seperti berikut. Item menu dikumpulkan berdasarkan fungsinya pada tab, seperti tangkapan [📷], main balik [▶], dan seterusnya. Sila ambil perhatian bahawa item menu yang disediakan bergantung pada mod penangkapan atau main balik yang dipilih (📖219 – 221).




1 Akses menu.

- Tekan butang <MENU>.



2 Pilih tab.

- Gerakkan tuas zum untuk memilih tab.
- Selepas anda menekan butang <▲><▼> atau memutar dail <🔍> untuk memilih tab pertama, anda boleh menukar tab dengan menekan butang <◀><▶>.



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi


Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





3 Pilih item menu.

- Tekan butang <▲><▼> atau putar dail <FUNC SET> untuk memilih item menu.
- Jika pilihan dalam item menu tidak ditunjukkan, mula-mula, tekan butang <◀> atau <▶> untuk menukar skrin, dan kemudian sama ada tekan butang <▲><▼> atau putar dail <FUNC SET> untuk memilih item menu.
- Untuk kembali ke skrin sebelumnya, tekan butang <MENU>.

4 Pilih pilihan.

- Tekan butang <◀><▶> untuk memilih pilihan.

5 Tamatkan proses penyediaan.

- Tekan butang <MENU> untuk kembali ke skrin yang dipaparkan sebelum anda menekan butang <MENU> dalam langkah 1.

Operasi Skrin Sentuh

- Untuk mengakses tab, tekan butang <MENU> untuk mengakses menu, dan kemudian sentuh tab yang dikehendaki.
- Seret item menu ke atas atau ke bawah untuk menatalnya, atau sentuh item menu untuk memilikinya.
- Sentuh pilihan untuk memilikinya. Pilihan yang ditunjukkan dengan ikon [◀|▶] pada kedua-dua belah sisi juga boleh dikonfigurasi dengan menyentuh ikon ini.
- Bagi item menu yang dipaparkan dengan bar yang menunjukkan aras, sentuh posisi yang dikehendaki pada bar.
- Untuk mengkonfigurasi item menu yang pilihannya tidak ditunjukkan, mula-mula sentuh item menu untuk mengakses skrin tetapan. Pada skrin tetapan, sama ada seret atau sentuh untuk memilih item menu, dan kemudian sentuh untuk memilih pilihan. Untuk kembali ke skrin sebelumnya, sentuh [MENU].
- Anda juga boleh menyentuh unsur input (seperti kotak semak atau medan teks) untuk memilikinya, dan anda boleh memasukkan teks dengan menyentuh papan kekunci pada skrin.
- Apabila [SET] dipaparkan, anda boleh menyentuh [SET] bukannya menekan butang <FUNC SET>, jika anda suka.
- Apabila [MENU] dipaparkan, anda boleh menyentuh [MENU] bukan menekan butang <MENU>, jika anda suka.
- Apabila [DISP] dipaparkan, anda boleh menyentuh [DISP] dan bukannya menekan butang <DISP.>, jika anda suka.
- Untuk menutup menu, tekan butang <MENU> sekali lagi.



- Untuk membatalkan apa-apa perubahan tetapan yang tidak disengajakan, anda boleh memulihkan tetapan lajai kamera (178).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks



Papan Kekunci Pada Skrin

Gunakan papan kekunci pada skrin untuk memasukkan maklumat bagi ID Wajah (📖45), sambungan Wi-Fi (📖148) dan sebagainya. Sila ambil perhatian bahawa panjang dan jenis maklumat yang anda boleh masukkan berbeza bergantung pada fungsi yang sedang anda gunakan.

Jumlah Aksara Tersedia



Memasukkan Aksara

Sebelum menangkap, kawasan imej yang terlalu cerah atau gelap (seperti wajah atau latar) boleh dikesan dan dilaraskan kepada kecerahan optimum secara automatik.

Untuk mengelakkan sorotan pudar, tentukan Pembetulan Julat Dinamik. Untuk mengekalkan butiran imej dalam bayang, tentukan Pembetulan Bayang.



- Dalam beberapa keadaan penangkapan, pembetulan mungkin tidak tepat atau mungkin menyebabkan imej kelihatan berbintik.



- Anda juga boleh membetulkan imej yang sedia ada (📖134).

Pembetulan Julat Dinamik (Pembetulan DR)

Mengurangkan kecerahan kawasan imej cerah, yang mungkin kelihatan pudar, seperti berikut.



- Tekan butang <DR>, pilih [DR] dalam menu, dan pilih pilihan yang diinginkan (📖25).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.



Pilihan	Terperinci	Kelajuan ISO Tersedia (📖80)
🔌OFF	–	
🔄AUTO	Pelarasan secara automatik untuk mengelakkan sorotan pudar	[AUTO], [100] – [12800]
🔌700%	Mengurangkan sorotan dengan kira-kira 200% berbanding dengan aras kecerahan [🔌OFF].	[AUTO], [200] – [3200]
🔌400%	Mengurangkan sorotan dengan kira-kira 400% berbanding dengan aras kecerahan [🔌OFF].	[AUTO], [400] – [3200]

- ! • Kelajuan ISO (📖80) akan dilaraskan ke kelajuan dalam julat disokong jika anda sudah menentukan nilai di luar julat disokong yang ditunjukkan di sini.

Imej Pegun

Pembetulan Bayang

Kekalkan butiran imej dalam bayangan secara automatik seperti berikut.



- Tekan butang <FUNC SET>, pilih [🔌OFF] pada menu, dan kemudian pilih [🔄AUTO] (📖25).
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [🔄AUTO] dipaparkan.

Menggunakan Penuras ND

Untuk menangkap pada kelajuan pengatup yang lebih perlahan dan nilai apertur yang lebih kecil, gunakan Penuras ND yang mengurangkan keamatan cahaya ke 1/8 aras sebenarnya (sama dengan 3 hentian).



- Tekan butang <FUNC SET>, pilih [ND] pada menu, dan kemudian pilih [ND] (📖25).

- ! • Pasang kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan kamera tetap stabil dan mengelakkan goncangan kamera. Selain itu, anda harus menetapkan [Mod IS] ke [Padam] apabila menggunakan tripod atau ambil langkah lain untuk memasang kamera dengan kukuh (📖99).



- ND: Ketumpatan Neutral

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks













Melaraskan White Balance

Dengan melaraskan white balance (WB), anda boleh menjadikan warna imej kelihatan lebih semula jadi bagi pemandangan yang anda sedang tangkap.





- Tekan butang , pilih [AWB] dalam menu, dan pilih pilihan yang diinginkan (📖25).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.

 Auto	Tetapkan white balance optimum secara automatik untuk keadaan penangkapan.
 Lampu Siang	Bagi menangkap di luar dalam cuaca yang baik.
 Teduhan	Bagi menangkap dalam keadaan teduh.
 Mendung	Bagi menangkap dalam cuaca mendung atau di waktu senja.
 Tungsten	Bagi menangkap di bawah pencahayaan pijar biasa.
 Pendarfluor	Bagi menangkap di bawah pencahayaan pendarfluor putih.
 Pendarfluor H	Bagi menangkap di bawah pencahayaan pendarfluor siang.
 Flash	Bagi menangkap dengan denyar.
 Bawah Air	Bagi menangkap di dalam air (📖60).
 Kustomisasi	Bagi menetapkan white balance tersuai secara manual.

White Balance Tersuai

Untuk warna imej yang kelihatan semula jadi di bawah pencahayaan dalam tangkapan anda, laraskan white balance untuk serasi dengan sumber cahaya di tempat anda sedang menangkap. Tetapkan white balance di bawah sumber cahaya sama yang akan menerangi tangkapan anda.



- Ikuti langkah-langkah dalam “Melaraskan White Balance” (📖84) untuk memilih  atau .
- Halakan kamera pada subjek putih, agar keseluruhan skrin adalah putih. Tekan butang <DISP.>
- Seri warna skrin bertukar sebaik sahaja data white balance direkod.

- ⚠️ • Warna mungkin kelihatan tidak semula jadi jika anda menukar tetapan kamera selepas merekod data white balance.
- 👉 • Anda juga boleh merekod data white balance pada skrin tersebut dengan menyentuh [DISP].




Membetulkan White Balance secara Manual

Anda boleh membetulkan white balance secara manual. Pelarasan ini boleh sepadan dengan kesan menggunakan penuras penukaran suhu warna atau penuras pampasan warna yang boleh didapati secara komersil.



1 Konfigurasi tetapan.

- Ikuti langkah-langkah dalam “Melaraskan White Balance” (📖84) untuk memilih pilihan white balance.
- Putar gelang <⏪> untuk melaraskan aras pembetulan antara B dan A.
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [WB] dipaparkan.



2 Konfigurasi tetapan lanjutan.

- Untuk mengkonfigurasi tetapan yang lebih lanjut, tekan butang <MENU> dan laraskan aras pembetulan dengan memutar gelang <⏪> atau dail <⏩> atau menekan butang <▲><▼><◀><▶>.
- Untuk menetapkan semula aras pembetulan, tekan butang <DISP.>.
- Tekan butang <MENU> untuk melengkapkan tetapan.



- Kamera akan mengekalkan aras pembetulan white balance meskipun jika anda menukar pilihan white balance lain dalam langkah 1, tetapi aras pembetulan akan diset semula jika anda merekod data white balance tersuai.



- B: biru; A: ambar; M: magenta; G: hijau
- Satu aras pembetulan biru/ambar adalah kira-kira 7 mired pada penuras penukaran suhu warna. (Mired: Unit suhu warna yang mewakili ketumpatan penuras penukaran suhu warna)



- Anda juga boleh memilih aras pembetulan dengan menyentuh atau menyeret bar dalam langkah 1 atau bingkai dalam langkah 2.
- Anda juga boleh mengakses skrin dalam langkah 2 dengan menyentuh [MENU] dalam langkah 1.
- Pada skrin dalam langkah 2, anda boleh sentuh [DISP.] untuk memulihkan aras asal dan sentuh [MENU] untuk kembali ke skrin penangkapan.

Menukar Ton Warna Imej (Warna Saya)

Tukar ton warna imej seperti yang diinginkan, seperti menukar imej ke sepia atau hitam dan putih.



- Tekan butang <FUNC. SET>, pilih [OFF] dalam menu, dan pilih pilihan yang diinginkan (📖25).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.



☞ Deaktif My Colors	–
AV Vivid	Menonjolkan kontras dan saturasi warna, menjadikan imej lebih tajam.
AN Neutral	Mengurangkan kontras dan saturasi warna untuk imej lembut.
Se Sepia	Mencipta imej ton sepia.
BW B/W	Mencipta imej hitam dan putih.
AP Film Positif	Menggabungkan efek Biru Terang, Hijau Terang dan Merah Terang untuk menghasilkan warna terang namun kelihatan semula jadi yang menyerupai imej pada filem positif.
AL Ton Kulit Cerah	Mencerahkan ton kulit.
AD Ton Kulit Gelap	Menggelapkan ton kulit.
AB Biru Terang	Menonjolkan biru dalam imej. Menjadikan langit, laut dan subjek biru lain lebih terang.
AG Hijau Terang	Menonjolkan hijau dalam imej. Menjadikan gunung-gunung, dedaun dan subjek hijau lain lebih terang.
AR Merah Terang	Menonjolkan merah dalam imej. Menjadikan subjek merah lebih terang.
AC Warna Tersuai	Laraskan kontras, ketajaman, saturasi warna, dan kualiti lain seperti yang diinginkan (86).

- ! • White balance (84) tidak boleh ditetapkan dalam mod [Se] atau [BW].
- Dengan mod [AL] dan [AD], warna-warna selain ton kulit orang mungkin bertukar. Tetapan-tetapan ini mungkin tidak boleh menghasilkan kesan yang dijangkakan dengan beberapa ton kulit.

Warna Tersuai

Pilih aras kontras imej, ketajaman, saturasi warna, merah, hijau, biru dan ton kulit yang diinginkan dalam julat 1 – 5.



1 Akses skrin tetapan.

- Ikuti langkah-langkah dalam “Menukar Ton Warna Imej (Warna Saya)” (85) untuk memilih [AC], dan kemudian tekan butang <DISP>.

2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang <▲><▼> untuk memilih satu pilihan, dan kemudian tentukan nilai dengan menekan butang <◀><▶> atau memutar dial <⦿>.
- Bagi kesan yang lebih kuat/mendalam (atau ton kulit lebih gelap), laraskan nilai ke kanan. Bagi kesan yang lebih lemah/ringan (atau ton kulit lebih cerah), laraskan nilai ke kiri.
- Tekan butang <DISP> untuk melengkapkan tetapan.



- Anda juga boleh menentukan nilai dengan menyentuh atau menyeret bar.




Julat Penangkapan dan Fokus

Imej Pegun

Penangkapan Dekat (Makro)

Untuk menghadkan fokus kepada subjek di julat dekat, tetapkan kamera ke [M]. Untuk butiran tentang julat pemfokusan, lihat “Julat Penangkapan” (📖231).



- Tekan butang <◀>, pilih [M] (sama ada tekan butang <◀><▶> atau putar dail <⚙>), dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [M] dipaparkan.

- ⚠ • Jika denyar menyala, kesan kabur tepi mungkin berlaku.
- Dengan mod bingkai AF ditetapkan ke [AiAF Wajah], menggunakan Pengatup Sentuh mengembalikan kamera ke [M].

- ✎ • Untuk mengelakkan gegaran kamera, cuba pasang kamera pada tripod dan menangkap dengan kamera ditetapkan ke [M] (📖40).

- 👉 • Anda juga boleh mengkonfigurasi tetapan ini dengan menekan butang <◀>, menyentuh [M] dan menyentuhnya sekali lagi.

Imej Pegun

Filem

Menangkap dalam Mod Fokus Manual

Apabila fokus tidak boleh dilakukan dalam mod AF, gunakan fokus manual. Anda boleh menentukan posisi anggaran dan kemudian tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk membolehkan kamera menentukan posisi fokus optimum berdekatan posisi yang anda tentukan. Untuk butiran tentang julat pemfokusan, lihat “Julat Penangkapan” (📖231).



Penunjuk MF

1 Pilih [MF].

- Tekan butang <MF>, dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.
- [MF] dan penunjuk MF dipaparkan.

2 Tentukan posisi fokus am.

- Merujuk kepada bar penunjuk MF pada skrin (yang menunjukkan jarak dan posisi fokus) dan kawasan paparan yang diperbesar, putar gelang <⦿> atau dail <⚙> untuk menentukan posisi fokus am, dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.
- Untuk melaraskan pembesaran, tekan butang <DISP>.
- Anda juga boleh menggerakkan bingkai pemfokusan dengan menekan butang <▲><▼><◀><▶> atau menyeret bingkai.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



3 Tala fokus dengan halus.

- Tekan tombol pengatur separuh ke bawah untuk membolehkan kamera menala posisi fokus dengan halus (Keselamatan MF).
- Untuk membatalkan fokus manual, tekan tombol <MF>.




- Apabila anda memfokus secara manual, mod bingkai AF (📖90) ialah [1-poin] dan saiz bingkai AF (📖91) ialah [Normal], serta tetapan tersebut tidak boleh ditukar.
- Fokus boleh dilakukan apabila menggunakan zum digital (📖38) atau tele-converter digital (📖90), atau menggunakan TV sebagai paparan (📖186), tetapi paparan diperbesarkan tidak akan muncul.



- Untuk memfokus dengan lebih tepat, cuba pasang kamera pada tripod untuk menstabilkan kamera.
- Anda boleh memperbesarkan atau menyembunyikan kawasan paparan yang diperbesar dengan melaraskan MENU (📖26) > tab [📷] > tetapan [Titik-MF Zoom].
- Untuk menyahaktifkan penalaan halus fokus apabila tombol pengatur ditekan separuh ke bawah, pilih MENU (📖26) > tab [📷] > [Keselamatan MF] > [Padam].
- Untuk mengubah kesan atau tempoh penangkapan selepas langkah 2 dalam mod [HDR] (📖62), [📷] (📖63), [📷] (📖63), [📷] (📖65), [📷] (📖66), [📷] (📖66) atau [📷] (📖72), putar dail <📷>.

Penalaan Fokus dengan Halus

Anda boleh menala fokus dengan halus selepas autofocus dengan memutar gelang berterusan.



1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan tombol <MENU>, pilih [AF+MF] pada tab [📷], dan kemudian pilih [On] (📖26).

2 Fokus.

- Tekan tombol pengatur separuh ke bawah untuk memfokus subjek dan terus tahan tombol separuh ke bawah.

3 Tala fokus dengan halus.

- Putar gelang <📷>. Merujuk kepada bar penunjuk MF pada skrin (yang menunjukkan jarak dan posisi fokus) dan kawasan paparan yang diperbesar, putar gelang <📷> untuk melaraskan fokus.
- Untuk memperbesar atau mengurangkan paparan yang diperbesar, tekan tombol <DISP.>.
- Untuk membatalkan fokus, lepaskan tombol pengatur.

4 Tangkap.

- Tekan tombol pengatur sepenuhnya ke bawah untuk menangkap.



- ! • Tidak boleh digunakan dengan Servo AF (📖92).

- ✎ • Anda juga boleh melaraskan posisi fokus am dengan memutar dail <⦿>, selepas anda memutar gelang <⦿> dalam langkah 3.
- Anda juga boleh mengaktifkan Kunci AE (📖79) dan Kunci Fokus (📖90) ketika menahan butang pengatup separuh ke bawah.

Imej Pegun

■ Mengenal pasti Kawasan Fokus dengan Mudah (Memuncak MF)

Pinggir subjek dalam fokus dipaparkan dengan warna untuk menjadikan pemfokusan manual lebih mudah. Anda boleh melaraskan warna-warna dan (aras) sensitiviti pengesanan pinggir seperti yang diperlukan.



1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang <MENU>, pilih [Seting Memuncak MF] pada tab [📷], tekan butang <⦿>, pilih [Memuncak], dan kemudian pilih [On] (📖26).

2 Konfigurasikan tetapan.



- Pilih satu item menu untuk dikonfigurasi, dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖27).

- ✎ • Warna yang dipaparkan bagi kemuncak MF tidak dirakam dalam tangkapan anda.

Imej Pegun

■ Bracketing Fokus (Mod Fokus-BKT)

Tiga imej berturutan ditangkap setiap kali anda menangkap, dengan tangkapan pertama pada jarak fokus yang anda tetapkan secara manual dan tangkapan berikutnya akan ditangkap pada posisi fokus lebih jauh dan lebih dekat yang ditentukan oleh praset. Jarak dari fokus yang ditentukan boleh ditetapkan dalam tiga aras.



1 Pilih [📷].

- Tekan butang <⦿>, pilih [📷] pada menu, dan kemudian pilih [📷] (📖25).

2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang <DISP.>, dan kemudian laraskan tetapan dengan menekan butang <◀><▶> atau memutar dail <⦿>.

- ! • Bracketing fokus hanya tersedia dalam mod [📷] (📖96).
- Tangkapan berterusan (📖95) tidak tersedia dalam mod ini.

- ✎ • Anda juga boleh mengakses skrin tetapan dalam langkah 2 dengan menekan butang <MENU> dalam langkah 2 "Menangkap dalam Mod Fokus Manual" (📖87).
- Tiga tangkapan diambil, tanpa mengira kuantiti yang ditentukan dalam [📷] (📖40).
- Dalam mod [Deteksi kedip] (📖53), fungsi ini hanya tersedia untuk tangkapan terakhir.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





- Untuk mengakses skrin dalam langkah 2, anda boleh sentuh [DISP] pada skrin dalam langkah 1 atau sentuh [MENU] pada skrin fokus manual (📖87).
- Anda juga boleh mengkonfigurasi tetapan ini dengan menyentuh atau menyeret bar pada skrin dalam langkah 2 untuk menentukan nilai dan kemudian menyentuh [DISP].

Tele-Converter Digital

Imej Pegun

Filem

Jarak fokus lensa boleh ditingkatkan sebanyak kira-kira 1.6x atau 2.0x. Ini boleh mengurangkan gegaran kamera kerana kelajuan pengatup lebih cepat berbanding dengan jika anda zum (termasuk menggunakan zum digital) ke dalam faktor zum yang sama.



- Tekan butang <MENU>, pilih [Digital Zoom] pada tab [📷], dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖26).
- Pemandangan dibesarkan dan faktor zum dipaparkan pada skrin.



- Tele-converter digital tidak boleh digunakan dengan zum digital (📖38) atau titik zoom AF (📖53).



- Kelajuan pengatup mungkin bersamaan apabila anda menggerakkan tuas zum sepenuhnya ke arah <[L]> untuk telefoto maksimum, dan apabila anda zum ke dalam untuk memperbesarkan subjek ke saiz sama mengikuti langkah 2 dalam "Zum Lebih Dekat Ke Subjek (Zum Digital)" (📖38).

Imej Pegun

Filem

Menukarkan Mod Bingkai AF

Tukar mod bingkai AF (fokus auto) untuk serasi dengan keadaan penangkapan seperti berikut.



- Tekan butang <MENU>, pilih [Frame AF] pada tab [📷], dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖26).

Imej Pegun

Filem

1-poin

Satu bingkai AF dipaparkan. Berkesan untuk pemfokusan yang andal. Anda juga boleh menggerakkan bingkai dengan menyentuh skrin (📖91).



- Bingkai AF kuning dipaparkan dengan [📷] jika kamera tidak boleh memfokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.



- Untuk mengubah tangkapan supaya subjek berada di pinggir atau penjur, halakan kamera terlebih dahulu untuk menangkap subjek dalam bingkai AF, dan kemudian tahan butang pengatup separuh ke bawah. Ketika anda terus menahan butang pengatup separuh ke bawah, gubah semula imej seperti yang diinginkan, dan kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah (Fokus Kunci).
- Posisi bingkai AF dibesarkan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dan [Titik zoom AF] (📖53) ditetapkan ke [On].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks




Menggerakkan dan Menukar saiz Bingkai AF (1-poin)

Apabila anda ingin menukar posisi atau saiz bingkai AF, tetapkan mod bingkai AF ke [1-poin].



1 Gerakkan bingkai AF.

- Sentuh skrin. Bingkai AF dipaparkan sebagai jingga di tempat anda sentuh (AF Sentuh).
- Anda boleh memutar dail  untuk menggerakkan bingkai AF, atau menekan butang <▲><▼><◀><▶> untuk menala posisi dengan halus.
- Untuk mengembalikan bingkai AF ke posisi asal di tengah, tekan butang <DISP.>.




2 Tukar saiz bingkai AF.

- Untuk mengurangkan saiz bingkai AF, putar gelang <Ⓜ>. Putarnya sekali lagi untuk mengembalikannya ke saiz asal.


3 Tamatkan proses penyediaan.

- Tekan butang <FUNC SET>.



- Bingkai AF dipaparkan pada saiz biasa apabila anda menggunakan zum digital (38) atau tele-converter digital (90) dan dalam mod fokus manual (87).



- Anda juga boleh menghubungkan bingkai Spot Titik AE ke bingkai AF (80).



- Pada skrin dalam langkah 1, anda juga boleh menggerakkan bingkai AF dengan menyentuh skrin, mengembalikan bingkai AF ke posisi asal dengan menyentuh [**DISP.**], atau keluar tetapan dengan menyentuh [**SET**].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



AiAF Wajah

- Mengesan wajah-wajah orang, dan kemudian menetapkan fokus, pendedahan (hanya pemeteran penilaian), dan white balance (hanya [AWB]).
- Selepas anda menghalakan kamera ke arah subjek, satu bingkai putih dipaparkan di sekitar wajah seorang yang ditentukan oleh kamera sebagai subjek utama, dan sehingga dua bingkai kelabu dipaparkan di sekitar wajah lain yang dikesan.
- Apabila kamera mengesan pergerakan, bingkai-bingkai akan mengikuti subjek yang bergerak, dalam satu julat tertentu.
- Selepas anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, sehingga sembilan bingkai hijau dipaparkan di sekitar wajah-wajah dalam fokus.



- Apabila tiada wajah dikesan, atau apabila hanya bingkai kelabu dipaparkan (tanpa bingkai putih), menekan butang pengatup separuh akan memaparkan bingkai hijau di kawasan dalam fokus. Ambil perhatian bahawa bilangan bingkai maksimum bergantung pada tetapan nisbah bidang (📖49).
 - [3:2] atau [4:3]: 31 bingkai
 - [1:1] atau [4:5]: 25 bingkai
 - [16:9]: 21 bingkai
- Jika wajah-wajah tidak dikesan apabila AF Servo (📖92) ditetapkan ke [On], bingkai AF dipaparkan di pusat skrin apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Contoh-contoh wajah yang tidak boleh dikesan:
 - Subjek yang jauh atau terlalu dekat
 - Subjek yang gelap atau terang
 - Wajah-wajah dari profil, pada satu sudut, atau sebahagiannya tersembunyi
- Kamera mungkin menyalahfafsirkan subjek bukan manusia sebagai wajah.
- Tiada bingkai-bingkai AF dipaparkan jika kamera tidak boleh memfokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.

Penangkapan dengan AF Servo

Mod ini membantu mengelakkan terlepas tangkapan subjek bergerak, kerana kamera terus memfokus pada subjek dan melaraskan pendedahan selagi anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.



1 Konfigurasi tetapan.

- Tekan butang <MENU>, pilih [Servo AF] pada tab [📷], dan kemudian pilih [On] (📖26).

2 Fokus.

- Fokus dan pendedahan dikekalkan di mana bingkai AF biru dipaparkan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.



- Pemfokusan mungkin tidak boleh dilakukan dalam beberapa keadaan penangkapan.
- Dalam keadaan cahaya malap, AF Servo mungkin tidak boleh diaktifkan (bingkai-bingkai AF mungkin tidak menjadi biru) apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. Dalam keadaan ini, fokus dan pendedahan ditetapkan mengikut mod bingkai AF yang ditentukan.
- Jika pendedahan yang cukup tidak boleh diperoleh, kelajuan pengatup dan nilai apertur dipaparkan sebagai jingga. Lepaskan butang pengatup, dan kemudian tekan ia separuh ke bawah sekali lagi.
- Penangkapan kunci AF tidak tersedia.
- [Titik zoom AF] pada tab [📷] (📖26) tidak tersedia.
- Tidak tersedia apabila menggunakan pemasa sendiri (📖39).



Menukar Tetapan Fokus

Anda boleh menukar operasi kamera lalai yang sentiasa memfokus pada subjek yang dihalakan, walaupun apabila butang pengatup tidak ditekan. Sebaliknya, anda boleh menghadkan pemfokusan kamera kepada detik anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.



- Tekan butang <MENU>, pilih [AF berterusan] pada tab [📷], dan kemudian pilih [Padam] (📖26).

On Membantu anda mengelak terlepas peluang menangkap foto yang datang secara tiba-tiba, kerana kamera sentiasa memfokus pada subjek sehingga anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.

Padam Memelihara kuasa bateri, kerana kamera tidak memfokus secara berterusan.

Memilih Orang untuk Difokuskan (Pilihan Wajah)

Anda boleh menangkap selepas memilih wajah orang tertentu untuk difokuskan.



1 Sediakan kamera untuk Pilihan Wajah.

- Tetapkan bingkai AF ke [AiAF Wajah] (📖92).

2 Masuk ke mod Pilihan Wajah.

- Halakan kamera ke wajah orang dan tekan butang <📷>.
- Selepas [Pilihan Wajah:Akitf] dipaparkan, bingkai wajah [👤] dipaparkan di sekeliling wajah yang dikesan sebagai subjek utama.
- Walaupun jika subjek bergerak, bingkai wajah [👤] mengikuti subjek dalam julat tertentu.
- Jika wajah tidak dikesan, [👤] tidak dipaparkan.

3 Pilih wajah untuk difokuskan.

- Untuk menukar bingkai wajah [👤] ke wajah lain yang dikesan, tekan butang <📷>.
- Selepas anda menukar bingkai wajah ke semua wajah dikesan, [Pilihan Wajah:Deaktif] dipaparkan, dan skrin mod bingkai AF yang ditentukan dipaparkan sekali lagi.





4 Tangkap.

- Tekan tombol pengatur separuh ke bawah. Selepas kamera memfokus, [] bertukar ke [].
- Tekan tombol pengatur sepenuhnya ke bawah untuk menangkap.



- Apabila [ID Wajah] ditetapkan ke [On], nama bagi sebarang orang terdaftar yang dikesan tidak akan dipaparkan apabila anda sudah memilih wajah lain yang tidak terdaftar untuk difokuskan. Walau bagaimanapun, nama mereka akan direkod dalam imej pegun (43).

Imej Pegun

Filem

Memilih Subjek untuk Difokuskan (AF Sentuh)

Anda boleh menangkap selepas memilih wajah orang atau subjek lain untuk difokuskan.



1 Tetapkan bingkai AF ke [AiAF Wajah] (42).

2 Pilih wajah orang atau subjek lain untuk difokuskan.

- Sentuh subjek atau orang pada skrin.
- Apabila subjek dikesan, kamera berbunyi bip dan [] dipaparkan. Fokus dikekalkan walaupun jika subjek bergerak.
- Untuk membatalkan AF Sentuh, sentuh []).



3 Tangkap.

- Tekan tombol pengatur separuh ke bawah. Selepas kamera memfokus, [] bertukar ke [] hijau.
- Tekan tombol pengatur sepenuhnya ke bawah untuk menangkap.



- Jika anda lebih suka kamera tidak menangkap apabila anda menyentuh skrin, pastikan mod [Shutter Sentuh] dinyahaktifkan. Tekan tombol <MENU>, pilih [Shutter Sentuh] pada tab [], dan kemudian pilih [Padam] (26).
- Penjejakan mungkin tidak boleh dilakukan apabila subjek terlalu kecil atau bergerak terlalu cepat, atau apabila kontras tidak cukup antara subjek dan latar.
- Walaupun jika anda sedang menangkap dalam mod [], (87), kamera akan bertukar ke mod [] jika anda sentuh skrin untuk menentukan tempat untuk difokuskan.
- Jika [ID Wajah] ditetapkan ke [On], nama tidak akan dipaparkan apabila orang didaftarkan dikesan, tetapi nama mereka akan direkod dalam imej pegun (43). Walau bagaimanapun, nama akan dipaparkan jika subjek yang dipilih untuk difokuskan adalah sama seperti orang yang dikesan dengan ID Wajah.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks



Menangkap dengan Kunci AF

Fokus boleh dikunci. Selepas anda kunci fokus, posisi fokus tidak akan bertukar walaupun apabila anda melepaskan jari anda dari butang pengatup.



1 Kunci fokus.


- Dengan butang pengatup ditekan separuh ke bawah, tekan butang <MF>.
- Fokus dikunci sekarang, dan [MF] dan penunjuk MF dipaparkan.
- Untuk membuka kunci fokus, lepaskan butang pengatup dan tekan butang <MF> sekali lagi. Dalam keadaan ini, [MF] dan penunjuk MF tidak dipaparkan lagi.

2 Gubah tangkapan dan tangkap.

- ! • Tidak boleh digunakan dengan Pengatup Sentuh (📖41).

Menangkap secara Berterusan ketika Kamera Mengekalkan Subjek dalam Fokus

Tangkap secara berterusan sementara kamera mengekalkan subjek dalam fokus. Untuk butiran tentang kelajuan penangkapan berterusan, lihat “Kelajuan Penangkapan Berterusan” (📖231).



1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang <FUNC SET>, pilih [] pada menu, dan kemudian pilih [AF-L] (📖25).
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [AF-L] dipaparkan.

2 Tangkap.


- Tahan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap secara berterusan.
- Imej tersebut diurus bersama sebagai kumpulan (📖119).

- ! • Dalam mod [] (📖59), mod fokus manual (📖87), atau apabila AF dikunci (📖95), [AF-L] ditukarkan ke [L].
- Tidak boleh digunakan dengan pemasa sendiri (📖39).
- Penangkapan mungkin berhenti sebentar atau penangkapan gambar berterusan mungkin menjadi perlahan bergantung kepada keadaan penangkapan, tetapan kamera dan posisi zum.
- Apabila lebih banyak imej ditangkap, penangkapan mungkin menjadi perlahan.
- Penangkapan mungkin menjadi perlahan jika denyar menyala.
- Dengan Pengatup Sentuh (📖41), kamera menangkap secara berterusan semasa anda menyentuh skrin.



Menukar Mod Denyar

Anda boleh tukar mod denyar untuk sepadan dengan pemandangan penangkapan. Untuk butiran tentang julat denyar, lihat “Julat Denyar” (📖230).



1 Naikkan denyar.

- Gerakkan suis <⚡>.

2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang <▶>, pilih mod denyar (sama ada tekan butang <<>> atau putar dail <⦿>), dan kemudian tekan butang <⦿>.
- Pilihan yang anda konfigurasikan kini dipaparkan.

- ! • Skrin tetapan tidak boleh diakses dengan menekan butang <▶> apabila denyar diturunkan. Gerakkan suis <⚡> untuk menaikkan denyar, kemudian konfigurasikan tetapan.
- Jika denyar menyala, kesan kabur tepi mungkin berlaku.

[A] Auto

Bernyala secara automatik dalam keadaan cahaya malap.

[AF] Aktif

Bernyala bagi setiap tangkapan.

[AF] Synchro P'lahan

Bernyala untuk menerangi subjek utama (seperti orang) ketika menangkap pada kelajuan pengatup perlahan untuk menerangi latar belakang di luar julat denyar.

- ! • Dalam mod [AF], pasang kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan kamera tetap stabil dan mengelakkan gegaran kamera. Selain itu, anda harus menetapkan [Mod IS] ke [Padam] apabila menggunakan tripod atau ambil langkah lain untuk memasang kamera dengan kukuh (📖99).
- Dalam mod [AF], walaupun selepas denyar menyala, pastikan bahawa subjek utama tidak bergerak sehingga bunyi pengatup selesai dimainkan.


[AF] Deaktif

Bagi menangkap tanpa denyar.

- ! • Jika ikon [AF] yang berkelip dipaparkan apabila anda tekan butang pengatup separuh ke bawah dalam keadaan kamera bergoyang dan cahaya malap, pasang kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan kamera stabil.
- 👉 • Pelarasan juga boleh dilakukan dengan menekan butang <▶>, menyentuh pilihan yang diinginkan, dan kemudian menyentuhnya sekali lagi.

Melaraskan Pampasan Pendedahan Denyar

Seperti dengan pampasan pendedahan biasa (📖78), anda boleh melaraskan pendedahan denyar daripada hentian -2 sehingga +2, dalam kenaikan hentian 1/3.



- Naikkan denyar, tekan butang <▶> dan putar gelang <⌚> dengan segera untuk memilih aras pampasan, dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.
- Aras pembetulan yang anda tentukan kini dipaparkan.




- Apabila terdapat risiko lebih dedahan, kamera melaraskan kelajuan pengatup atau nilai apertur secara automatik semasa tangkapan denyar untuk mengurangkan sorotan pudar dan menangkap pada pendedahan optimum. Walau bagaimanapun, anda boleh menyahaktifkan pelarasan automatik kelajuan pengatup dan nilai apertur dengan mengakses MENU (📖26) dan memilih tab [📷] > [Kontrol Flash] > [Keselamatan FE] > [Padam].
- Anda juga boleh konfigurasi pampasan pendedahan denyar dengan mengakses MENU (📖26) dan memilih tab [📷] > [Kontrol Flash] > [Komp Flash].
- Anda juga boleh mengakses skrin MENU [Settin Built-in flash] seperti berikut (kecuali apabila denyar luaran pilihan dipasangkan).
 - Tekan dan tahan butang <▶> selama sekurang-kurangnya satu saat.
 - Apabila denyar dinaikkan, tekan butang <▶> dan tekan butang <MENU> dengan segera.



- Anda juga boleh mengakses skrin MENU [Kontrol Flash] (📖26) dengan menekan butang <▶> dan menyentuh [MENU].

Menangkap dengan Kunci FE

Seperti dengan kunci AE (📖79), anda boleh kunci pendedahan untuk tangkapan denyar.



1 Naikkan denyar dan tetapkan denyar ke [📷] (📖96).

2 Kunci pendedahan denyar.

- Halakan kamera ke arah subjek untuk menangkap dengan pendedahan dikunci. Dengan butang pengatup ditekan separuh ke bawah, tekan butang <▲>.
- Densar menyala, dan apabila [✖] dipaparkan, aras output denyar dikekalkan.
- Untuk membuka kunci FE, lepaskan butang pengatup dan tekan butang <▲> sekali lagi. Dalam keadaan ini, [✖] tidak dipaparkan lagi.

3 Gubah tangkapan dan tangkap.

- Selepas satu tangkapan, FE dibuka kunci dan [✖] tidak dipaparkan lagi.



- Kunci FE tidak boleh digunakan dengan Pengatup Sentuh (📖41) atau AF Sentuh (📖94), kerana menyentuh skrin akan membatalkan kunci FE.




- FE: Pendedahan Densar



Menukar Pemasaan Denyar

Tukar pemasaan denyar dan pelepasan pengatup seperti berikut.



1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang <MENU>, pilih [Kontrol Flash] pada tab [📷], dan kemudian tekan butang <📷> (📖26).

2 Konfigurasi tetapan.

- Pilih [Shutter Sync.], dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖27).

Tirai 1	Denyar menyala sebaik sahaja selepas pengatup terbuka.
Tirai 2	Denyar menyala sebaik sahaja sebelum pengatup tertutup.

Tangkap Imej RAW

Imej RAW ialah data “raw” (tidak diproses), yang direkod tanpa kehilangan kualiti imej daripada pemprosesan imej dalam kamera. Gunakan Digital Photo Professional (📖195) untuk melaraskan imej-imej RAW seperti yang diinginkan dengan kehilangan minimum kualiti imej.



- Tekan butang <📷>, pilih [JPEG] dalam menu, dan pilih pilihan yang diinginkan (📖25).

JPEG

Rakam imej JPEG. Imej-imej JPEG diproses dalam kamera untuk kualiti imej yang optimum dan dimampatkan untuk mengurangkan saiz fail. Walau bagaimanapun, proses mampatan tidak dapat dibalikkan, dan imej tidak boleh dikembalikan kepada keadaan asal, yang tidak diproses. Pemprosesan imej juga mungkin menyebabkan kehilangan kualiti imej.

RAW

Merakam imej-imej RAW. Imej RAW ialah data “raw” (tidak diproses), yang dirakam tanpa kehilangan kualiti imej daripada pemprosesan imej kamera. Data ini tidak boleh digunakan dalam keadaan ini bagi melihat pada komputer atau pencetakan. Anda mesti menggunakan perisian (Digital Photo Professional) terlebih dahulu untuk menukar imej ke fail JPEG atau TIFF biasa. Imej-imej boleh dilaraskan dengan kehilangan minimum kualiti imej. Bagi butiran tentang resolusi dan bilangan tangkapan yang boleh disimpan pada kad, lihat “Bilangan Tangkapan 3:2 bagi setiap Kad Memori” (📖230).

RAW+JPEG

Merakam dua imej, imej RAW dan imej JPEG, bagi setiap tangkapan. Imej JPEG boleh dilihat pada komputer atau dicetak tanpa menggunakan perisian.





- Apabila memindahkan imej-imej RAW (atau imej RAW dan JPEG yang dirakam bersama) ke komputer, sentiasa menggunakan perisian khusus (📖195).
- Zum Digital (📖38), cop tarikh (📖41) dan pengurangan mata merah (📖50) ditetapkan ke [Padam] dalam mod [RAW] dan [RAW+JPEG]. Tambahan juga, aras pengurangan gangguan (📖81), i-Contrast (📖82) dan Warna Saya (📖85) tidak boleh dikonfiguraskan.



- Sambungan fail bagi imej JPEG ialah .JPG, dan sambungan bagi imej RAW ialah .CR2.

Tetapan Lain

Imej Pegun

Menukar Nisbah Mampatan (Kualiti Imej)

Pilih daripada dua nisbah mampatan, [S] (Sangat Halus) dan [H] (Halus), seperti berikut. Untuk panduan tentang jumlah tangkapan pada setiap nisbah mampatan yang boleh disimpan dalam satu kad memori, lihat “Bilangan Tangkapan 3:2 bagi setiap Kad Memori” (📖230).




- Tekan butang <PUNC SET>, pilih [H] dalam menu, dan pilih pilihan yang diinginkan (📖25).

Imej Pegun

Filem

Menukar Tetapan Mod IS



1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang <MENU>, pilih [Setin IS] pada tab [📷], dan kemudian tekan butang <PUNC SET> (📖26).

2 Konfigurasikan tetapan.

- Pilih [Mod IS] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖27).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Berterusan	Penstabilan imej optimum untuk keadaan penangkapan akan digunakan secara automatik (Intelligent IS) (📖37).
Tangkap Shj*	Penstabilan imej aktif hanya ketika detik penangkapan.
Padam	Menyahaktifkan penstabilan imej.


* Tetap ditukar ke [Berterusan] untuk rakaman filem.

- ⚠️ Jika penstabilan imej tidak boleh mengelakkan goncangan kamera, pasang kamera pada tripod atau gunakan cara lain untuk memastikan kestabilan kamera. Dalam keadaan ini, tetapkan [Mod IS] ke [Padam].

Filem

Merakam Filem dengan Subjek Bersaiz Sama seperti Dipaparkan sebelum Penangkapan

Biasanya apabila rakaman filem bermula, kawasan paparan imej bertukar dan subjek dibesarkan untuk membenarkan pembetulan bagi goncangan kamera yang kuat. Untuk merakam subjek pada saiz sama seperti yang ditunjukkan sebelum merakam, anda boleh memilih untuk tidak mengurangkan goncangan kamera yang kuat.



- Ikuti langkah-langkah dalam “Menukar Tetapan Mod IS” (📖99) untuk mengakses skrin [Setin IS].
- Pilih [IS Dinamik], dan kemudian pilih [2] (📖27).


- ✎ Anda juga boleh menetapkan [Mod IS] ke [Padam], supaya subjek dirakam pada saiz yang sama seperti yang ditunjukkan sebelum menangkap.

Imej Pegun

Filem

Menukarkan Warna Maklumat pada Skrin Penangkapan

Maklumat yang dipaparkan pada skrin penangkapan dan menu-menu boleh ditukar ke warna yang sesuai untuk menangkap dalam keadaan cahaya malap. Mengaktifkan tetapan ini berguna dalam mod seperti 📷 (📖70).



- Tekan butang <MENU>, pilih [Paparan Malam] pada tab 📷, dan kemudian pilih [On] (📖26).

- ⚠️ Warna tidak dilaraskan dalam mod Main balik.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Ambil tangkapan yang lebih bijak dan canggih, serta sesuaikan kamera mengikut gaya penangkapan anda



- Arahan dalam bab ini sesuai untuk kamera yang ditetapkan ke mod masing-masing.

Kelajuan Pengatup Tertentu (Mod [Tv])	102
Nilai Apertur Tertentu (Mod [Av])	103
Kelajuan Pengatup dan Nilai Apertur Tertentu (Mod [M]).....	103
Melaraskan Output Denyar	104
Penyesuaian Gaya Penangkapan	105
Menetapkan Fungsi kepada Kawalan	105
Menyesuaikan Maklumat Paparan.....	106

Menyesuaikan Menu FUNC.	
(Aturan Menu FUNC.)	107
Memilih Item untuk Disertakan dalam Menu	107
Menyimpan Tetapan Penangkapan.....	108
Menyimpan Item Menu Penangkapan Biasanya Digunakan (My Menu).....	109



Kelajuan Pengatup Tertentu (Mod [Tv])

Tetapkan kelajuan pengatup yang diinginkan sebelum menangkap seperti berikut. Kamera melaraskan nilai apertur secara automatik supaya sesuai dengan kelajuan pengatup anda.

Bagi butiran mengenai kelajuan pengatup tersedia, lihat “Kelajuan Pengatup” (📖231).

1 Masuk ke mod [Tv].

- Tetapkan dail mod ke [Tv].

2 Tetapkan kelajuan pengatup.

- Putar gelang <⏪> untuk menetapkan kelajuan pengatup.



- Dalam keadaan yang memerlukan kelajuan pengatup perlahan, mungkin terdapat penangguhan sebelum anda boleh menangkap sekali lagi, kerana kamera sedang memproses imej untuk mengurangkan gangguan.
- Apabila menangkap pada kelajuan pengatup perlahan pada tripod, anda harus menetapkan [Mod IS] ke [Padam] (📖99).
- Kelajuan pengatup maksimum dengan denyar adalah 1/2000 saat. Jika anda menentukan kelajuan yang lebih cepat, kamera akan menetapkan semula kelajuan ke 1/2000 saat secara automatik sebelum menangkap.
- Paparan nilai apertur yang berwarna jingga apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah menunjukkan bahawa tetapan berbeza daripada pendedahan standard. Laraskan kelajuan pengatup sehingga nilai apertur dipaparkan sebagai putih, atau gunakan anjakan keselamatan (📖103).



- [Tv]: Nilai masa

Sebelum
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan
Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod
Auto Hibrid

Mod Penangkapan
Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1,
dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Nilai Apertur Tertentu (Mod [Av])

Tetapkan nilai apertur yang diinginkan sebelum menangkap seperti berikut. Kamera melaraskan kelajuan pengatup secara automatik supaya sesuai dengan nilai apertur anda.

Bagi butiran mengenai nilai apertur, lihat “Apertur” (📖231).

1 Masuk ke mod [Av].

- Tetapkan dail mod ke [Av].

2 Tetapkan nilai apertur.

- Putar gelang <⌚> untuk menetapkan nilai apertur.



- ! Paparan kelajuan pengatup yang berwarna jingga apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah menunjukkan bahawa tetapan berbeza daripada pendedahan standard. Laraskan nilai apertur sehingga kelajuan pengatup dipaparkan sebagai putih, atau gunakan anjakan keselamatan (lihat di bawah).

- ✎ [Av]: Nilai apertur (saiz bukaan yang dibuat oleh iris dalam lensa)
- Untuk mengelakkan masalah pendedahan dalam mod [Tv] dan [Av], anda boleh mengatur kamera untuk melaraskan kelajuan pengatup atau nilai apertur secara automatik, walaupun apabila pendedahan standard tidak boleh diperolehi. Tekan butang <MENU> dan tetapkan [Safety Shift] pada tab [📷] ke [On] (📖26). Walau bagaimanapun, anjakan keselamatan dilumpuhkan apabila denyar menyala.

Kelajuan Pengatup dan Nilai Apertur Tertentu (Mod [M])

Ikuti langkah-langkah ini sebelum penangkapan untuk menetapkan kelajuan pengatup dan nilai apertur untuk memperoleh pendedahan yang diinginkan. Bagi butiran mengenai kelajuan pengatup dan nilai apertur tersedia, lihat “Kelajuan Pengatup” (📖231) dan “Apertur” (📖231).


1 Masuk ke mod [M].

- Tetapkan dail mod ke [M].

2 Tetapkan kelajuan ISO (📖80).

3 Tetapkan kelajuan pengatup dan nilai apertur.

- Tekan butang <▲>, pilih pelarasan kelajuan pengatup atau nilai apertur, dan putar gelang <⌚> untuk menentukan nilai.
- Satu tanda aras pendedahan berdasarkan nilai yang ditentukan anda ditunjukkan pada penunjuk aras pendedahan untuk perbandingan dengan aras pendedahan standard.
- [◀] atau [▶] dipaparkan apabila perbezaan daripada pendedahan standard melebihi 2 hentian.





- Selepas anda menetapkan kelajuan pengatup atau nilai apertur, aras pendedahan mungkin bertukar jika anda melaraskan zum atau mengubah semula tangkapan.
- Kecerahan skrin mungkin bertukar bergantung kepada kelajuan pengatup atau nilai apertur yang anda tentukan. Walau bagaimanapun, kecerahan skrin kekal sama apabila denyar dinaikkan dan mod ditetapkan ke [⚡].
- Pendedahan mungkin tidak seperti yang dijangkakan apabila kelajuan ISO ditetapkan kepada [ISO], kerana kelajuan ISO dilaraskan untuk memastikan pendedahan standard adalah relatif kepada kelajuan pengatup dan nilai apertur yang anda tentukan.
- Kunci AE hanya tersedia apabila tetapan kelajuan ISO adalah [ISO AUTO].



- [M]: Manual
- Pengiraan pendedahan standard adalah berdasarkan kepada kaedah pemeteran yang ditentukan (📖79).

Melaraskan Output Denyar

Pilih daripada tiga aras denyar dalam mod [M].

1 Masuk ke mod [M].

- Tetapkan dail mod ke [M].

2 Tetapkan mod denyar.

- Tekan butang <MENU>, pilih [Kontrol Flash] pada tab [📷], dan kemudian tekan butang <FUNC SET> (📖26).
- Tekan butang <▲><▼> untuk memilih [Mod Flash], tekan butang <◀><▶> untuk memilih [Manual], dan kemudian tekan butang <MENU>.

3 Konfigurasikan tetapan.

- Naikkan denyar, tekan butang <▶> dan putar gelang <🌀> dengan segera untuk memilih aras denyar, dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.
- Sebaik sahaja tetapan selesai, aras output denyar dipaparkan. [📷.] rendah, [📷.▪] sederhana, [📷.▪▪] tinggi





- Anda juga boleh menetapkan aras denyar dengan mengakses MENU (📖26) dan memilih tab [📷] > [Kontrol Flash] > [Output Flash].
- Anda juga boleh menetapkan aras denyar dalam mod [Tv] atau [Av] dengan mengakses MENU (📖26) dan memilih tab [📷] > [Kontrol Flash] > [Mod Flash] > [Manual].
- Anda juga boleh mengakses skrin MENU [Settin Built-in flash] seperti berikut (kecuali apabila denyar luaran pilihan dipasangkan).
 - Tekan dan tahan butang <▶> selama sekurang-kurangnya satu saat.
 - Apabila denyar dinaikkan, tekan butang <▶> dan tekan butang <MENU> dengan segera.



- Anda juga boleh mengakses skrin MENU [Kontrol Flash] dengan menaikkan denyar, menekan butang <▶>, dan menyentuh [MENU].

Penyesuaian Gaya Penangkapan

Imej Pegun

Filem

Menetapkan Fungsi kepada Kawalan

Tetapkan fungsi yang kerap digunakan kepada gelang berterusan, gelang berperingkat, dail kawalan, butang pintas dan butang filem seperti yang diingini.

Anda juga boleh menetapkan fungsi khusus bagi mod kepada gelang berterusan, gelang berperingkat dan dail kawalan untuk mod [P], [Av], [Tv] dan [M].



1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang <MENU>, pilih [Tugas Fungsi] pada tab [📷], dan kemudian tekan butang <FUNC SET> (📖26).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





2 Konfigurasi tetap.

- Tekan tombol <▲><▼> atau putar dial <⦿> untuk memilih gelang atau tombol untuk penetapan.
- Untuk menetapkan fungsi kepada gelang atau dial, tekan tombol <FUNC SET>, pilih gelang atau dial pada skrin yang dipaparkan (sama ada tekan tombol <▲><▼> atau putar dial <⦿>), dan kemudian tekan tombol <◀><▶> untuk memilih fungsi.
- Untuk menetapkan fungsi kepada tombol <S> atau <M>, tekan tombol <FUNC SET>, pilih fungsi pada skrin yang dipaparkan (sama ada tekan tombol <▲><▼><◀><▶> atau putar dial <⦿>), kemudian tekan tombol <FUNC SET>.

3 Gunakan fungsi ditetapkan mengikut keperluan.

- Putar <⦿><⦿><⦿> untuk mengkonfigurasi fungsi yang ditetapkan.
- Apabila berbilang fungsi ditetapkan kepada gelang <⦿>, tekan tombol <▲> untuk menukar antara fungsi tersebut.
- Tekan tombol <S> atau <M> untuk mengaktifkan fungsi yang ditetapkan.



- Apabila anda menetapkan [] atau [] kepada tombol <S> atau <M>, setiap penekanan tombol yang ditetapkan akan merakam data white balance ([84]), dan tetapan white balance bertukar kepada [] atau [].
- Apabila anda menetapkan [AFL] kepada tombol <S> atau <M>, setiap penekanan tombol yang ditetapkan akan melaraskan dan mengunci fokus. [AFL] kemudian dipaparkan.
- Apabila anda menetapkan [] kepada tombol <S> atau <M>, penekanan tombol yang ditetapkan akan menyahaktifkan paparan skrin. Untuk mengembalikan paparan, lakukan apa-apa yang berikut.
 - Tekan mana-mana tombol selain tombol kuasa
 - Pegang kamera dalam orientasi yang lain
 - Naikkan atau turunkan denyar
- Anda masih boleh merakam filem dalam mod [], [] dan [] walaupun jika anda menetapkan fungsi kepada tombol <M>.



- Pada skrin tetapan, anda juga boleh mengkonfigurasi fungsi yang ditetapkan kepada kawalan dengan menyentuh fungsi yang ingin ditukar dan kemudian [MENU].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menyesuaikan Maklumat Paparan

Tetapkan bilangan paparan tersuai (📖25) dan maklumat yang dipaparkan pada setiap paparan apabila butang <DISP.> ditekan pada skrin penangkapan.



1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang <MENU>, pilih [Paparan Kustom] pada tab [📷], dan kemudian tekan butang <FINE SET> (📖26).

2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang <▲><▼><◀><▶> atau putar dail <🌀> untuk memilih satu item, dan kemudian tekan butang <FINE SET>. Item yang anda pilih untuk paparan dilabel dengan [✓].
- Item-item yang dipilih (dilabel dengan [✓]) akan termasuk dalam paparan.

Info Tangkapan	Memaparkan maklumat penangkapan (📖214).
Garis Grid	Memaparkan grid rujukan.
Paras Elektronik	Memaparkan aras elektronik (📖52).
Histogram	Memaparkan histogram (📖114) dalam mod [P], [Tv], [Av] dan [M].



- Tetapan tidak akan disimpan jika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dan kembali ke skrin penangkapan dari skrin tetapan paparan tersuai.
- Item yang dikelabukan juga boleh ditentukan, tetapi mereka mungkin tidak akan dipaparkan dalam beberapa mod penangkapan.



- Garisan grid tidak dirakam dalam tangkapan anda.



- Anda juga boleh memilih item untuk dipaparkan dengan menyentuhnya.




Menyesuaikan Menu FUNC. (Aturan Menu FUNC.)

Paparan item menu FUNC. boleh disesuaikan. Fungsi yang tidak ditunjukkan pada menu akan tersedia pada tab [📷] pada skrin menu.

Imej Pegun

Filem

Memilih Item untuk Disertakan dalam Menu



1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang <MENU>, pilih [Aturan Menu FUNC.] pada tab [📷], dan kemudian tekan butang <FUNC SET> (📖26).

2 Pilih ikon untuk dimasukkan dalam menu.

- Tekan butang <▲><▼><◀><▶> atau putar gelang <⏪> atau dail <⏩>, dan kemudian tekan butang <FUNC SET> untuk memilih ikon untuk disertakan dalam menu FUNC. Ikon-ikon yang dipilih ditanda dengan [✓].
- Item-item yang dipilih (dilabel dengan [✓]) akan termasuk dalam paparan.
- Item tanpa [✓] akan tersedia pada tab [📷] pada skrin menu.




3 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang <MENU>, pilih [OK] (sama ada tekan butang <◀><▶> atau putar dail <⏩>), dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.



- Skrin dalam langkah 2 juga boleh diakses dengan menahan butang <FUNC SET> apabila menu FUNC. dipaparkan.
- Item yang anda keluarkan dari menu FUNC., tambah ke My Menu (📖109), dan kemudian tambah ke menu FUNC. sekali lagi akan dikeluarkan dari My Menu.

Mengatur Semula Item Menu



1 Akses skrin tetapan.

- Pada skrin dalam langkah 2 "Memilih Item untuk Disertakan dalam Menu" (📖108), tekan butang <DISP.>.
- Tekan butang <▲><▼> atau putar gelang <⏪> atau dail <⏩> untuk memilih ikon untuk digerakkan. Tekan butang <FUNC SET> atau <▶>, tekan butang <▲><▼> atau putar dail <⏩> atau gelang <⏪> untuk memilih posisi baru, dan kemudian tekan butang <FUNC SET> atau <◀>.

2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang <MENU>, pilih [OK] (sama ada tekan butang <◀><▶> atau putar dail <⏩>), dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menyimpan Tetapan Penangkapan

Simpan mod penangkapan yang biasanya digunakan dan tetapan fungsi yang dikonfigurasi oleh anda untuk penggunaan semula. Untuk mengakses tetapan yang disimpan kemudian, hanya putar dail mod ke [C1] atau [C2]. Tetapan yang biasanya dihapuskan apabila anda menukar mod penangkapan atau mematikan kamera (seperti tetapan pemasa sendiri) juga boleh dikekalkan dalam cara ini.

Tetapan yang boleh disimpan

- Mod penangkapan ([P], [Tv], [Av] dan [M])
- Item-item ditetapkan dalam mod [P], [Tv], [Av], atau [M] (📖78 – 104)
- Tetapan menu penangkapan
- Posisi zum
- Posisi fokus manual (📖87)
- Tetapan My Menu (📖109)

1 Masuk ke mod penangkapan dengan tetapan yang anda ingin simpan, dan tukar tetapan seperti yang diinginkan.

2 Konfigurasi tetapan.

- Tekan butang <MENU>, pilih [Simpan Settin] pada tab [📷], dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.



- ! Untuk mengedit tetapan tersimpan (kecuali mod penangkapan), pilih [C1] atau [C2], tukar tetapan dan ulangi langkah 2 – 3. Butiran tetapan ini tidak akan digunakan dalam mod penangkapan lain.
- ✎ Untuk menghapuskan maklumat yang anda telah simpan ke [C1] atau [C2] dan mengembalikan nilai lalai, putar dail mod ke [C1] atau [C2] dan pilih [Reset Semua] (📖178).

3 Simpan tetapan.


- Tekan butang <▲><▼> atau putar dail <📷> untuk memilih destinasi, dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.


Menyimpan Item Menu Penangkapan Biasanya Digunakan (My Menu)

Anda boleh simpan sehingga lima item menu penangkapan biasanya digunakan pada tab [★]. Dengan menyesuaikan tab [★], anda boleh mengakses item ini dengan cepat dari skrin tunggal.

1 Akses skrin tetapan.


- Tekan butang <MENU>, pilih [Settin MyMenu] pada tab [★], dan kemudian tekan butang <FUNC SET> (📖26).





2 Konfigurasi tetap.

- Tekan tombol <▲><▼> atau putar dial <⦿> untuk memilih [Pilihan], dan kemudian tekan tombol <FUNC SET>.
- Pilih sehingga lima item menu untuk menyimpan (sama ada tekan tombol <▲><▼> atau putar dial <⦿>), dan kemudian tekan tombol <FUNC SET>.
- [✓] dipaparkan.
- Untuk membatalkan penyimpanan, tekan tombol <FUNC SET>. [✓] tidak dipaparkan lagi.
- Tekan tombol <MENU>.



3 Atur semula item menu, mengikut keperluan.

- Tekan tombol <▲><▼> atau putar dial <⦿> untuk memilih [Susun], dan kemudian tekan tombol <FUNC SET>.
- Pilih item menu untuk bergerak (sama ada tekan tombol <▲><▼> atau putar dial <⦿>), dan kemudian tekan tombol <FUNC SET>.
- Tekan tombol <▲><▼> atau putar dial <⦿> untuk menukar urutan, dan kemudian tekan tombol <FUNC SET>.
- Tekan tombol <MENU>.



- Item yang dikelabukan dalam langkah 2 juga boleh ditentukan, tetapi mereka mungkin tidak tersedia dalam beberapa mod penangkapan.



- Untuk menjadikan My Menu boleh diakses segera dengan menekan tombol <MENU> dalam mod Penangkapan, pilih [Set default view] dan tekan tombol <◀><▶> untuk memilih [Ya].



- Pada skrin [Pilihan] untuk menyimpan atau menghapus item, anda juga boleh sentuh item untuk memilihnya.
- Pada skrin [Susun], anda juga boleh seret item untuk menukar urutan paparan.



Mod Main balik

Nikmati hasil tangkapan anda, dan semak lalu atau edit imej dengan pelbagai cara

- Untuk menyediakan kamera untuk operasi ini, tekan butang untuk masuk ke mod Main balik.



- Imej yang telah dinamakan semula atau telah diedit dalam komputer, atau imej dari kamera lain mungkin tidak boleh dimain balik atau diedit.

Melihat	112
Menukar Mod Paparan.....	114
Melihat Filem Pendek yang Dicipta Apabila	
Menangkap Imej Pegun (Filem Ikhtisar)	115
Memeriksa Orang yang Dikesan dalam	
ID Wajah.....	115
Semak lalu dan Menuras Imej	116
Mengemudi melalui Imej dalam Indeks.....	116
Mencari Imej yang Sepadan dengan Syarat	
yang Ditentukan	116
Menggunakan Gelang Berperingkat	
untuk Melompat.....	118
Melihat Imej Individu dalam Kumpulan	119
Mengedit Maklumat ID Wajah	120
Pilihan Melihat Imej	121
Memperbesarkan Imej	121
Melihat Persembahan Slaid	122


Main balik Auto bagi Imej Berkaitan	
(Kocok Pintar)	122
Melindungi Imej	123
Memilih Kaedah Pemilihan.....	123
Memilih Imej secara Individu.....	124
Memilih Julat	124
Menentukan Semua Imej Sekali gus.....	125
Memadam Imej	126
Memadam Berbilang Imej Sekali gus.....	126
Memutar Imej	128
Menyahaktifkan Putaran Auto	128
Mengetag Imej sebagai Kesukaan	129
Kawalan Mudah Menggunakan	
Butang 	130

Kawalan Mudah: Tindakan Sentuh	130
Menggunakan Fungsi yang Ditetapkan ke [↶] ..	130
Menukar Fungsi Tindakan Sentuh	131
Mengedit Imej Pegun	132
Menukar Saiz Imej	132
Memotong	133
Menukar Ton Warna Imej (Warna Saya)	134
Membetulkan Kecerahan Imej (i-Contrast)	134
Membetulkan Mata Merah	135
Mengedit Filem	136
Mengurangkan Saiz Fail	137
Mengedit Filem Ikhtisar	138



Melihat

Selepas menangkap imej atau merakam filem, anda boleh melihatnya pada skrin seperti berikut.




1 Masuk ke mod Main balik.

- Tekan butang <▶>.
- Tangkapan terakhir anda dipaparkan.

2 Semak lalu imej anda.

- Untuk melihat imej sebelumnya, tekan butang <◀> atau putar dail <⦿> melawan arah jam. Untuk melihat imej berikutnya, tekan butang <▶> atau putar dail <⦿> mengikut arah jam.
- Tekan dan tahan butang <◀><▶> untuk menyemak lalu imej dengan cepat.

- Untuk mengakses mod Paparan Tatal, putar dail <⦿> dengan cepat. Dalam mod ini, putar dail <⦿> untuk menyemak lalu imej.
- Tekan butang <FUNC SET> untuk kembali ke paparan imej tunggal.
- Untuk menyemak lalu imej yang dikumpulkan berdasarkan tarikh tangkapan, tekan butang <▲><▼> dalam mod Paparan Tatal.



Penunjuk Volum

- Filem dikenal pasti dengan ikon <[SET]▶>. Untuk memainkan filem, pergi ke langkah 3.

3 Mainkan filem.

- Untuk memulakan main balik, tekan butang <FUNC SET> untuk mengakses panel kawalan filem, pilih [▶] (sama ada tekan butang <◀><▶> atau putar dail <⦿>), dan kemudian tekan butang <FUNC SET> sekali lagi.

4 Laraskan volum.

- Tekan butang <▲><▼> untuk melaraskan volum.
- Untuk melaraskan volum apabila penunjuk volum tidak lagi dipaparkan, tekan butang <▲><▼>.

5 Jeda main balik.

- Untuk menjeda atau menyambung semula main balik, tekan butang <FUNC SET>.
- Selepas filem tamat, <[SET]▶> dipaparkan.






- Untuk menukar ke mod Penangkapan dari mod Main balik, tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Untuk menyahaktifkan Paparan Tatal, pilih MENU (📖26) > tab [▶] > [Paparan Tatal] > [Padam].
- Untuk tangkapan terkini dipaparkan ketika anda masuk ke mod Main balik, pilih MENU (📖26) > tab [▶] > [Sambungan] > [Imej t'akhir].
- Untuk menukar peralihan yang ditunjukkan antara imej, akses MENU (📖26) dan pilih kesan yang dikehendaki dalam tab [▶] > [Kesan Transisi].

👉 Operasi Skrin Sentuh



- Untuk melihat imej berikutnya, seret ke kiri melintasi skrin, dan seret ke kanan untuk melihat imej sebelumnya.



- Untuk mengakses mod Paparan Tatal, seret ke kiri atau ke kanan dengan cepat berulang kali.
- Anda juga boleh memilih imej dalam mod Paparan Tatal dengan seret ke kiri atau ke kanan.
- Menyentuh imej pusat akan mengembalikan paparan imej tunggal.
- Untuk menyemak lalu imej yang dikumpulkan berdasarkan tarikh penangkapan dalam mod Paparan Tatal, seret ke atas atau bawah.



- Untuk memulakan main balik, sentuh [▶] dalam langkah 3 dalam "Melihat" (📖112).
- Untuk melaraskan volum ketika main balik, seret ke atas atau ke bawah dengan cepat melintasi skrin.
- Untuk menghentikan main balik, sentuh skrin. Skrin di sebelah kiri dipaparkan, dan operasi berikut tersedia.
- Sentuh [🔊] untuk memaparkan panel volum, dan kemudian sentuh [▲][▼] untuk melaraskan volum. Ketika volum mencapai 0, [🔊] dipaparkan.
- Untuk menukar bingkai, sentuh bar tatal atau seret ke kiri atau kanan.
- Untuk menyambung semula main balik, sentuh [▶].
- Sentuh [↺] untuk kembali ke skrin dalam langkah 2 dalam "Melihat" (📖112).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menukar Mod Paparan


Tekan butang <DISP.> untuk melihat maklumat lain pada skrin, atau menyembunyikan maklumat. Untuk butiran tentang maklumat yang dipaparkan, lihat “Main balik (Paparan Maklumat Terperinci)” (📖215).

Tiada Maklumat
DipaparkanPaparan
Maklumat
RingkasPaparan
Maklumat
TerperinciHistogram
RGB, Paparan
Maklumat GPS

Amaran Pendedahan Berlebih (untuk Sorotan Imej)



Bahagian terang pudar pada imej berkelip pada skrin dalam paparan maklumat terperinci (📖114).

Histogram



- Graf dalam paparan maklumat terperinci (📖114) adalah histogram yang menunjukkan pengagihan kecerahan pada imej. Paksi mendatar mewakili darjah kecerahan, dan paksi menegak, mewakili jumlah imej yang ada dalam setiap tahap kecerahan. Melihat histogram adalah cara untuk memeriksa pendedahan.
- Histogram juga boleh diakses ketika menangkap (📖107, 214).

Histogram RGB, Paparan Maklumat GPS



- Histogram RGB menunjukkan pengagihan warna merah, hijau dan biru dalam imej. Paksi mendatar mewakili kecerahan R, G, atau B, dan paksi menegak, mewakili jumlah imej yang ada dalam setiap tahap kecerahan. Melihat histogram membolehkan anda memeriksa ciri warna imej.
- Dengan menggunakan telefon pintar yang disambungkan ke kamera melalui Wi-Fi, anda boleh mengeotag imej pada kamera, menambahkan maklumat seperti latitud, longitud, dan ketinggian (📖165). Anda boleh menyemak maklumat ini dalam paparan maklumat GPS.
- Latitud, longitud, ketinggian, dan UTC (tarikh dan masa penangkapan) disenaraikan dari atas ke bawah.



- [---] ditunjukkan menggantikan nilai berangka untuk item yang tidak tersedia pada telefon pintar anda atau item yang tidak direkod dengan betul.



- UTC: Waktu Sejagat Diselaraskan, pada dasarnya adalah sama dengan Waktu Min Greenwich
- Paparan maklumat GPS tidak tersedia untuk imej yang tidak mempunyai maklumat ini.




- Anda juga boleh menukar antara histogram RGB (imej pegun sahaja) dan paparan maklumat GPS dengan menyeret bahagian bawah skrin ke atas atau ke bawah dalam paparan maklumat terperinci.



Melihat Filem Pendek yang Dicipta Apabila Menangkap Imej Pegun (Filem Ikhtisar)

Lihat filem ikhtisar yang dirakam secara automatik dalam mod [SET] (113) pada hari imej pegun ditangkap, seperti berikut.



1 Pilih satu imej.

- Pilih imej pegun yang dilabelkan dengan [SET] dan tekan butang <FIRM SET>.



2 Mainkan filem.

- Tekan butang <◀▶▶▶> atau putar dail <⦿> untuk memilih [OK].
- Filem yang dirakam secara automatik pada hari di mana imej pegun ditangkap, akan dimainkan balik, bermula daripada awal.



- Selepas seketika, [SET] tidak akan dipaparkan lagi apabila anda menggunakan kamera dengan paparan maklumat yang telah dinyahaktifkan (114).



- Anda juga boleh memainkan filem ikhtisar dengan menyentuh [SET] pada skrin dalam langkah 1 dan menyentuh [OK] pada skrin dalam langkah 2.

Melihat mengikut Tarikh

Filem ikhtisar boleh dilihat berdasarkan tarikh.



1 Pilih filem.

- Tekan butang <MENU>, pilih [Senarai/Main Video Digest] pada tab [▶], dan kemudian pilih tarikh (26).

2 Mainkan filem.

- Tekan butang <FIRM SET> untuk memulakan main balik.

Memeriksa Orang yang Dikesan dalam ID Wajah

Jika anda menukar kamera ke mod paparan maklumat ringkas (114), nama sehingga lima orang yang dikesan yang berdaftar dalam ID wajah (43) akan dipaparkan.



- Tekan butang <DISP.> beberapa kali sehingga paparan maklumat ringkas diaktifkan, dan kemudian tekan butang <◀▶▶▶> untuk memilih imej.
- Nama akan dipaparkan pada orang yang dikesan.



- Jika anda lebih suka supaya nama tidak dipaparkan pada imej yang ditangkap menggunakan ID Wajah, pilih MENU > tab [▶] > [Info wajah ID] > [Paparan Nama] > [Padam].




Semak lalu dan Menuras Imej

Imej Pegun

Filem

Mengemudi melalui Imej dalam Indeks

Dengan memaparkan berbilang imej dalam indeks, anda boleh menemui imej yang dicari dengan cepat.




1 Paparkan imej dalam indeks.

- Gerakkan tuas zum ke arah untuk memaparkan imej dalam indeks. Gerakkan tuas sekali lagi akan meningkatkan jumlah imej yang ditunjukkan.
- Untuk mengurangkan bilangan imej yang dipaparkan, gerakkan tuas zum ke arah . Bilangan imej yang ditunjukkan akan semakin berkurang setiap kali anda menggerakkan tuas.

2 Pilih satu imej.

- Putar dail untuk menatal imej.
- Tekan butang untuk memilih imej.
- Bingkai jingga dipaparkan di sekeliling imej yang dipilih.
- Tekan butang untuk melihat imej yang dipilih dalam paparan imej tunggal.



- Untuk menyahaktifkan kesan paparan 3D (ditunjukkan jika anda menahan butang atau memutar dail dengan pantas), pilih MENU > tab > [Kesan Indeks] > [Padam].



Operasi Skrin Sentuh



- Dekatkan jari pada skrin untuk menukar daripada paparan imej tunggal ke paparan indeks.
- Untuk melihat lebih banyak lakaran kecil dalam satu skrin, dekatkan jari sekali lagi.
- Seret ke atas atau ke bawah pada skrin untuk menatal imej yang dipaparkan.
- Untuk mengurangkan bilangan lakaran kecil pada satu skrin, jauhkan jari anda.
- Sentuh imej untuk memilikinya, dan sentuhnya sekali lagi untuk melihatnya dalam paparan imej tunggal.

Imej Pegun

Filem

Mencari Imej yang Sepadan dengan Syarat yang Ditentukan

Cari imej yang diinginkan dengan cepat dalam kad memori yang dipenuhi imej dengan menuras paparan imej mengikut syarat yang telah anda tentukan. Anda juga boleh lindung 123 atau hapus 126 semua imej ini sekali gus.

	Nama	Memaparkan imej orang yang didaftar .
	Orang	Memaparkan imej dengan wajah yang dikesan.
	Hb diambil	Memaparkan imej yang ditangkap pada tarikh tertentu.
	Kesukaan	Memaparkan imej yang ditagkan sebagai kesukaan .
	Imej pegun/ Video	Memaparkan imej pegun, filem, atau filem yang dirakam dalam mod .

Sebelum
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan
Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod
Auto Hibrid

Mod Penangkapan
Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1,
dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menuras Paparan mengikut [★], [☺], [👤], atau [📷]



1 Pilih syarat pertama untuk paparan imej atau pengemudian.

- Dalam paparan imej tunggal, tekan butang <☺>, dan kemudian tekan butang <▲><▼> untuk memilih penuras paparan.
- Apabila [★] atau [👤] dipilih, anda boleh melihat hanya imej yang sepadan dengan syarat ini dengan menekan butang <◀><▶>. Untuk melakukan operasi bagi semua imej ini dengan serentak, tekan butang <FUNC SET> dan pergi ke langkah 3.

2 Pilih syarat kedua dan periksa imej yang dijumpai.

- Tekan butang <◀><▶> untuk memilih syarat lain. Sebaik sahaja anda memutar dail <🌀>, anda boleh melihat imej yang sepadan dengan syarat-syarat yang telah anda tetapkan.
- Untuk membatalkan mod ini, tekan butang <MENU>.
- Untuk menukar ke paparan imej dituras, tekan butang <FUNC SET> dan pergi ke langkah 3.



3 Lihat imej yang telah dituras.

- Imej yang sepadan dengan syarat anda dipaparkan dalam bingkai kuning. Untuk melihat hanya imej tersebut, tekan butang <◀><▶>, atau putar dail <🌀>.
- Untuk membatalkan paparan dituras, tekan butang <☺>.



- Apabila kamera tidak menemui imej yang sesuai dengan sesetengah syarat, syarat tersebut tidak akan tersedia.



- Untuk memaparkan atau menyembunyikan maklumat, tekan butang <DISP.> dalam langkah 3.
- Pilihan untuk melihat imej yang ditemui (dalam langkah 3) termasuk "Mengemudi melalui Imej dalam Indeks" (📖116), "Memperbesar Imej" (📖121), dan "Melihat Persembahan Slaid" (📖122). Anda boleh melindungi, memadam, atau mencetak semua imej yang ditemui atau menambah imej ke buku foto dengan memilih [Pilih semua imej dlm carian] dalam "Melindungi Imej" (📖123), "Memadam Berbilang Imej Sekali gus" (📖126), "Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF)" (📖202), atau "Menambah Imej ke Buku Foto" (📖204).
- Jika anda mengedit dan menyimpan imej tersebut sebagai imej baharu (📖132 – 135), satu mesej dipaparkan, dan imej yang ditemui tidak lagi dipaparkan.



- Anda juga boleh memilih syarat dengan menyentuh skrin dalam langkah 1 dan 2.
- Selepas memilih syarat, anda boleh melihat imej yang sepadan dengan syarat dengan menyentuh syarat sekali lagi.



Menuras Paparan mengikut [⏏].

1 Pilih [⏏].


- Ikuti langkah 1 dalam “Menuras Paparan mengikut [★], [⊙], [👤], atau [👤]” (📖117), pilih [⏏] dan tekan butang <FUNC SET>.

2 Pilih orang.

- Tekan butang <▲><▼><◀><▶> untuk memilih orang, dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.

3 Lihat imej yang dituras.

- Ikuti langkah 3 dalam “Menuras Paparan mengikut [★], [⊙], [👤], atau [👤]” (📖117), untuk melihat imej.



- ⚠️ • [⏏] tidak tersedia kecuali orang telah didaftarkan (📖44).

- 👉 • Anda juga boleh melihat imej termasuk orang tertentu dengan menyentuh orang tersebut dalam langkah 2, dan kemudian sentuhinya sekali lagi.

Menggunakan Gelang Berperingkat untuk Melompat

Gunakan gelang berperingkat untuk mencari dan melompat antara imej yang diinginkan dengan cepat dengan menuras paparan imej mengikut syarat yang anda tentukan.

🌟 Mara ke Favorit	Memaparkan imej yang ditagkan sebagai kesukaan (📖129).
🕒 Mara ke hb imej	Lompat ke imej pertama dalam setiap kumpulan imej yang ditangkap pada tarikh yang sama.
🕒 Mara 10 Imej	Lompat 10 imej pada satu-satu masa.
🕒 Mara 100 Imej	Lompat 100 imej pada satu-satu masa.



1 Pilih syarat.

- Pilih syarat (atau kaedah lompatan) dalam paparan imej tunggal dengan memutar gelang <🕒> dan kemudian menekan butang <▲><▼>.

2 Lihat imej yang sepadan dengan syarat yang anda tentukan, atau langkau dengan jumlah yang ditentukan.

- Putar gelang <🕒> untuk melihat hanya imej yang sepadan dengan syarat atau untuk melompat maju atau ke belakang mengikut jumlah imej yang ditentukan.



Operasi Skrin Sentuh



- Anda juga boleh melompat ke imej sebelumnya atau seterusnya mengikut kaedah lompatan yang anda pilih dalam langkah 1 "Menggunakan Gelang Berperingkat untuk Melompat" (📖118) dengan menyeret ke kiri atau ke kanan menggunakan dua jari.



- Memutar gelang <🌀> ketika menyemak lalu imej dalam paparan indeks akan melompat ke imej sebelumnya atau seterusnya mengikut kaedah lompatan yang anda pilih dalam paparan imej tunggal. Walau bagaimanapun, jika anda telah memilih [🔍] atau [🔍], kaedah lompatan akan ditukarkan ke [🔍].

Imej Pegun

Melihat Imej Individu dalam Kumpulan

Hanya imej pertama dalam imej berkumpulan dipaparkan, sama ada kumpulan merupakan siri tangkapan (📖42, 95) daripada mod [📷] (📖57) atau imej pegun individu yang disimpan sebagai data sumber dalam mod [📷] (📖73). Walau bagaimanapun, anda juga boleh melihat imej secara individu.



1 Pilih imej berkumpulan.

- Tekan butang <🔍> atau putar dial <🌀> untuk memilih imej yang dilabelkan dengan [SET 📷], dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.



2 Lihat imej dalam kumpulan secara individu.

- Menekan butang <🔍> atau memutar dial <🌀> akan memaparkan hanya imej dalam kumpulan.
- Menekan butang <▲> akan memaparkan [Papar smua gambar]. Tekan butang <🌀> untuk membatalkan main balik kumpulan.



- Semasa main balik kumpulan (langkah 2), anda boleh menyemak lalu imej dengan cepat "Mengemudi melalui Imej dalam Indeks" (📖116) dan memperbesarkannya "Memperbesarkan Imej" (📖121). Dengan memilih [Semua Imej dlm Kump] untuk "Melindungi Imej" (📖123), "Memadam Berbilang Imej Sekali gus" (📖126), "Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF)" (📖202), atau "Menambah Imej ke Buku Foto" (📖204), semua imej dalam kumpulan boleh dimanipulasi sekali gus.
- Untuk membatalkan pengumpulan imej supaya imej-imej dipaparkan sebagai imej pegun tunggal, pilih MENU (📖26) > tab [▶] > [Kump. imej] > [Padam] (📖26). Walau bagaimanapun, imej berkumpulan tidak boleh dipisahkan dari kumpulanannya semasa main balik individu.
- Paparan serentak dalam mod [📷] seperti yang diterangkan dalam langkah 2 "Menikmati Pelbagai Imej daripada Setiap Tangkapan (Tangkapan Kreatif)" (📖57) hanya ditunjukkan sejeurus selepas penangkapan.



- Anda juga boleh melihat imej kumpulan secara individu dengan menyentuh [SET] pada skrin dalam langkah 1.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks




Mengedit Maklumat ID Wajah

Jika anda mendapati terdapat nama yang salah semasa main balik, anda boleh menukar atau memadam nama tersebut.

Walau bagaimanapun, anda tidak boleh menambah nama pada orang yang tidak dikesan oleh ID Wajah (nama tidak dipaparkan), dan orang yang namanya telah dipadam.

Menukar Nama



1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang <MENU>, dan pilih [Info wajah ID] pada tab [▶] (📖26).
- Tekan butang <▲><▼> atau putar dail <⦿> untuk memilih [Edit ID info], dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.

2 Pilih satu imej.

- Ikuti prosedur dalam "Memeriksa Orang yang Dikesan dalam ID Wajah" (📖115), pilih imej dan tekan butang <FUNC SET>.
- Bingkai jingga dipaparkan di sekeliling wajah yang dipilih. Apabila berbilang nama dipaparkan pada imej, tekan butang <◀><▶> atau putar dail <⦿> untuk memilih nama yang akan ditukar, dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.



3 Pilih pilihan pengeditan.

- Tekan butang <▲><▼><◀><▶> atau putar dail <⦿> untuk memilih [Tulisganti], dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.

4 Pilih nama orang untuk ditulis ganti.

- Ikuti langkah 2 dalam "Menulis Ganti dan Menambah Maklumat Wajah" (📖48) untuk memilih nama orang yang ingin anda tulis ganti.



- Anda juga boleh mengakses skrin [Edit ID info] dengan menyentuh imej pada skrin dalam langkah 2, sentuh [SET] untuk memaparkan bingkai jingga, dan kemudian sentuh wajah untuk menulis ganti nama orang tersebut.
- Anda juga boleh memilih mengedit pilihan dengan menyentuhnya dalam langkah 3.

Memadam Nama

- Ikuti langkah 3 dalam "Menukar Nama" (📖120), pilih [Padam] dan tekan butang <FUNC SET>.
- Selepas [Padam?] dipaparkan, tekan butang <◀><▶> atau putar dail <⦿> untuk memilih [OK], dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.



- Anda juga boleh memadam nama dengan menyentuh [OK] selepas [Padam?] dipaparkan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran



Indeks



Pilihan Melihat Imej

Imej Pegun

Memperbesarkan Imej



Anggaran Posisi Kawasan Paparan

1 Memperbesarkan imej.

- Gerakkan tuas zum ke arah <Q> akan mengezum ke dalam dan memperbesarkan imej. Anda boleh memperbesarkan imej sehingga kira-kira 10x dengan terus menahan tuas zum.
- Untuk zum ke luar, gerakkan tuas zum ke arah <Q̄>. Anda boleh kembali ke paparan imej tunggal dengan terus menahan tuas zum.

2 Gerakkan posisi paparan dan tukar imej mengikut keperluan.

- Tekan butang <▲><▼><◀><▶> untuk menggerakkan posisi paparan.
- Untuk bertukar ke imej yang lain ketika zum, putar dail <⦿>.



- Anda boleh kembali ke paparan imej tunggal dari paparan diperbesarkan dengan menekan butang <MENU>.
- Anda boleh memeriksa fokus apabila [SET] dipaparkan dengan menekan butang <AF> untuk memperbesarkan posisi bingkai AF (Periksa Fokus). Tekan butang <AF> berulang kali untuk memperbesarkan mana-mana bingkai AF lain yang dipaparkan.



Operasi Skrin Sentuh



- Jauhkan jari anda (cubit keluar) untuk mengezum ke dalam.
- Anda boleh memperbesarkan imej sehingga kira-kira 10x dengan mengulangi langkah ini.
- Untuk menggerakkan posisi paparan, seret melintasi skrin.
- Dekatkan jari untuk mengezum ke luar.
- Sentuh [MENU] untuk mengembalikan paparan imej tunggal.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks



Melihat Persembahan Slaid

Main balik imej secara automatik dari kad memori seperti berikut.



1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang <MENU>, dan pilih [Transisi Slaid] pada tab [▶] (📖26).



2 Konfigurasi tetapan.

- Pilih satu item menu untuk dikonfigurasi, dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖26).

3 Mulakan main balik automatik.

- Tekan butang <▲><▼> atau putar dail <⦿> untuk memilih [Mula], dan kemudian tekan butang <⦿SET>.
- Persembahan slaid akan bermula selepas [Pemuatan imej] dipaparkan untuk beberapa saat.
- Tekan butang <MENU> untuk menghentikan persembahan slaid.

- Fungsi jimat kuasa kamera (📖22) dinyahaktifkan semasa persembahan slaid.



- Untuk menjeda atau menyambung semula persembahan slaid, tekan butang <⦿SET>.
- Anda boleh menukar ke imej yang lain semasa main balik dengan menekan butang <<>>> atau memutar dail <⦿>. Untuk maju cepat atau mundur cepat, tahan butang <<>>>.



- Anda juga boleh menghentikan persembahan slaid dengan menyentuh skrin.

Main balik Auto bagi Imej Berkaitan (Kocok Pintar)

Berdasarkan imej semasa, kamera menawarkan empat imej yang mungkin ingin anda lihat. Selepas anda memilih untuk melihat salah satu dari imej tersebut, kamera menawarkan empat gambar lagi. Ini adalah cara yang menyenangkan untuk memainkan balik imej dalam susunan yang tidak dijangka. Cuba ciri ini setelah anda mengambil banyak tangkapan, dalam pelbagai pemandangan.



1 Pilih Kocok Pintar.

- Tekan butang <MENU>, pilih [Smart Shuffle] pada tab [▶], dan tekan butang <⦿SET> (📖26).
- Empat imej calon dipaparkan.





2 Pilih satu imej.


- Tekan butang <▲><▼><◀><▶> untuk memilih imej yang ingin anda lihat seterusnya.
- Imej yang dipilih oleh anda dipaparkan di tengah, dikelilingi oleh empat imej calon yang seterusnya.
- Untuk paparan skrin penuh imej tengah, tekan butang <FUNC SET>. Untuk mengembalikan paparan asal, tekan butang <FUNC SET> sekali lagi.
- Tekan butang <MENU> untuk mengembalikan paparan imej tunggal.

- ❗ Hanya imej pegun yang diambil dengan kamera ini dimain balik menggunakan Kocok Pintar.
- Kocok Pintar tidak tersedia dalam keadaan berikut:
 - Kurang daripada 50 tangkapan diambil dengan kamera ini
 - Imej yang tidak disokong dipaparkan
 - Imej ditunjukkan dalam paparan penurasan (📖116)
 - Semasa main balik kumpulan (📖119)
- ✋ Dalam langkah 2 pada skrin, menyentuh imej di atas, bawah, atau kiri serta kanan, akan menunjukkan imej yang dipilih oleh anda dipaparkan di tengah, dikelilingi oleh empat imej calon yang seterusnya.
- Untuk paparan skrin penuh imej tengah dalam langkah 2, sentuh imej tersebut. Untuk mengembalikan paparan asal, sentuh skrin sekali lagi.

Melindungi Imej

Lindungi imej yang penting untuk menghalang pemadaman yang tidak sengaja oleh kamera (📖126).

Memilih Kaedah Pemilihan



1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang <MENU> dan pilih [Lindung] pada tab [▶] (📖26).

2 Pilih kaedah pemilihan.

- Pilih item menu dan pilihan seperti yang diinginkan (📖27).
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang <MENU>.

- ❗ Imej yang dilindungi pada kad memori akan dipadam jika anda memformat kad (📖173, 174).

- ✎ Imej yang dilindungi tidak boleh dipadam menggunakan fungsi pemadaman kamera. Untuk memadam imej tersebut dengan cara ini, batalkan perlindungan terlebih dahulu.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks










Memilih Imej secara Individu





1 Pilih [Pilih].


- Ikuti langkah 2 dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖123), pilih [Pilih] dan tekan butang .


2 Pilih satu imej.



- Tekan butang  < >  atau putar dail  untuk memilih imej, dan kemudian tekan butang .  dipaparkan.
- Untuk membatalkan pemilihan, tekan butang  sekali lagi.  tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk menentukan imej yang lain.

3 Lindungi imej.

- Tekan butang <MENU>. Mesej pengesahan dipaparkan.
- Tekan butang  < >  atau putar dail  untuk memilih [OK], dan kemudian tekan butang .




-  Imej tidak akan dilindungi jika anda menukar ke mod Penangkapan atau mematikan kamera sebelum menyelesaikan proses penyediaan dalam langkah 3.






-  Anda juga boleh memilih atau memadam imej dengan menyentuh skrin dalam langkah 2 dan anda boleh mengakses skrin pengesahan dengan menyentuh .
- Anda juga boleh melindungi imej dengan menyentuh [OK] pada skrin dalam langkah 3.

Memilih Julat

1 Pilih [Pilih Julat].

- Ikuti langkah 2 dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖123), pilih [Pilih Julat] dan tekan butang .

2 Pilih imej permulaan.

- Tekan butang .
- Tekan butang  < >  atau putar dail  untuk memilih imej, dan kemudian tekan butang .





3 Pilih imej akhir.

- Tekan butang <▶> untuk memilih [Imej Terakhir], dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.



- Tekan butang <◀><▶> atau putar dail <◉> untuk memilih imej, dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.
- Imej sebelum imej yang pertama tidak boleh dipilih sebagai imej terakhir.



4 Lindungi imej.

- Tekan butang <▼> untuk memilih [Lindung], dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.



- Anda juga boleh memilih imej pertama atau imej terakhir dengan memutar dail <◉> ketika skrin atas dalam langkah 2 dan 3 dipaparkan.



- Anda juga boleh memaparkan skrin untuk memilih imej pertama atau terakhir dengan menyentuh imej pada skrin atas dalam langkah 2 atau 3.
- Anda juga boleh melindungi imej dengan menyentuh [Lindung] pada skrin dalam langkah 4.


Menentukan Semua Imej Sekali gus

1 Pilih [Pilih semua imej].

- Ikuti langkah 2 dalam "Memilih Kaedah Pemilihan" (📖123), pilih [Pilih semua imej] dan tekan butang <FUNC SET>.

2 Lindungi imej.

- Tekan butang <▲><▼> atau putar dail <◉> untuk memilih [Lindung], dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.



- Untuk membatalkan perlindungan untuk kumpulan imej, pilih [Membuka kunci] dalam langkah 4 "Memilih Julat" atau dalam langkah 2 "Menentukan Semua Imej Sekali gus".



- Anda juga boleh melindungi atau nyahkunci imej dengan menyentuh [Lindung] atau [Membuka kunci] pada skrin dalam langkah 2.



Memadam Imej

Anda boleh memilih dan memadam imej yang tidak diperlukan satu demi satu. Berhati-hati apabila memadam imej, kerana imej yang dipadam tidak boleh dikembalikan. Walau bagaimanapun, imej yang dilindungi (📖123) tidak boleh dipadam.

1 Pilih imej untuk padam.

- Tekan butang <◀><▶> atau putar dail <⦿> untuk memilih imej.

2 Padam imej.

- Tekan butang <🗑️>.
- Selepas [Padam?] dipaparkan, tekan butang <◀><▶> atau putar dail <⦿> untuk memilih [Padam], dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.
- Imej semasa kini dipadamkan.
- Untuk membatalkan pepadaman, tekan butang <◀><▶> atau putar dail <⦿> untuk memilih [Batal], dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.



- Apabila butang <🗑️> ditekan ketika imej [RAW] dipaparkan, pilihan [Padam RAW], [Padam JPEG], atau [Padam RAW+JPEG] untuk pepadaman akan ditawarkan kepada anda untuk dipilih.



- Anda juga boleh memadam imej semasa dengan menyentuh [Padam] pada skrin dalam langkah 2.
- Imej juga boleh dipadam melalui Tindakan Sentuh (📖130).

Memadam Berbilang Imej Sekali gus

Anda boleh memilih berbilang imej untuk dipadam sekali gus. Berhati-hati apabila memadam imej, kerana imej yang dipadam tidak boleh dikembalikan. Walau bagaimanapun, imej yang dilindungi (📖123) tidak boleh dipadam.

Memilih Kaedah Pemilihan



1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang <MENU>, dan kemudian pilih [Padam] pada tab [📺] (📖26).

2 Pilih kaedah pemilihan.

- Pilih item menu dan pilihan seperti yang diinginkan (📖27).
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang <MENU>.




Memilih Imej secara Individu



1 Pilih [Pilih].


- Ikuti langkah 2 dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖126), pilih [Pilih] dan tekan butang .

2 Pilih satu imej.

- Sebaik sahaja anda memilih imej mengikut langkah 2 dalam “Memilih Imej secara Individu” (📖124), [✓] akan dipaparkan.
- Untuk membatalkan pemilihan, tekan butang  sekali lagi. [✓] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk menentukan imej yang lain.


3 Padam imej.

- Tekan butang <MENU>. Mesej pengesahan dipaparkan.
- Tekan butang <◀>▶> atau putar dail  untuk memilih [OK], dan kemudian tekan butang .



Memilih Julat


1 Pilih [Pilih Julat].

- Ikuti langkah 2 dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖126), pilih [Pilih Julat] dan tekan butang .

2 Pilih imej.

- Ikuti langkah 2 – 3 dalam “Memilih Julat” (📖124 – 125) untuk menentukan imej.


3 Padam imej.

- Tekan butang <▼> untuk memilih [Padam], dan kemudian tekan butang .




Menentukan Semua Imej Sekali gus

1 Pilih [Pilih semua imej].

- Ikuti langkah 2 dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖126), pilih [Pilih semua imej] dan tekan butang .


2 Padam imej.

- Tekan butang <◀>▶> atau putar dail  untuk memilih [OK], dan kemudian tekan butang .



Memutar Imej

Ubah orientasi imej dan simpannya seperti berikut.




1 Pilih [Putar].

- Tekan butang <MENU>, dan pilih [Putar] pada tab [▶] (📖26).

2 Putar imej.

- Tekan butang <◀▶>> atau putar dail <🌀> untuk memilih imej.
- Imej diputar sebanyak 90° setiap kali anda menekan butang <🔄>.
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang <MENU>.




- Putaran tidak berfungsi apabila [Putaran Auto] ditetapkan ke [Padam] (📖128).



- Pada skrin dalam langkah 2, anda juga boleh menyentuh [SET] untuk memutar imej atau menyentuh [MENU] untuk kembali ke skrin menu.

Menyahaktifkan Putaran Auto

Ikuti langkah ini untuk menyahaktifkan putaran imej automatik, yang memutar imej mengikut orientasi semasa kamera.



- Tekan butang <MENU>, pilih [Putaran Auto] pada tab [▶], dan kemudian pilih [Padam] (📖26).



- Imej tidak boleh diputar (📖128) apabila anda menetapkan [Putaran Auto] ke [Padam]. Selain itu, imej yang telah diputar akan dipaparkan dalam orientasi asal.
- Dalam mod Kocok Pintar (📖122), walaupun [Putaran Auto] ditetapkan ke [Padam], imej yang ditangkap secara menegak akan dipaparkan secara menegak, dan imej yang diputar akan dipaparkan dalam orientasi yang diputar.

Sebelum
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan
Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod
Auto Hibrid

Mod Penangkapan
Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1,
dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks




Mengetag Imej sebagai Kesukaan

Anda boleh menyusun imej dengan mengetag imej tersebut sebagai kesukaan. Dengan memilih kategori dalam paparan penurasan, anda boleh menghadkan operasi berikut kepada semua imej tersebut.

- Melihat (📖112), Melihat Persembahan Slaid (📖122), Melindungi Imej (📖123), Memadam Imej (📖126), Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF) (📖202), Menambah Imej ke Buku Foto (📖204)

Menggunakan Menu




1 Pilih [Kesukaan].

- Tekan butang <MENU>, dan pilih [Kesukaan] pada tab [📖] (📖26).

2 Pilih satu imej.

- Tekan butang <◀><▶> atau putar dail <🌀> untuk memilih imej, dan kemudian tekan butang <📖>. [★] dipaparkan.
- Untuk membatalkan tag, tekan butang <📖> sekali lagi. [★] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk memilih imej tambahan.



- Imej tidak akan ditagkan sebagai kesukaan jika anda menukar ke mod Penangkapan atau matikan kamera sebelum menyelesaikan proses persediaan dalam langkah 3.



- Imej kesukaan akan mempunyai penarafan tiga bintang (★★★☆☆) apabila dipindahkan ke komputer yang menggunakan Windows 8, Windows 7, atau Windows Vista. (Tidak digunakan untuk filem atau imej RAW.)



- Anda juga boleh memilih atau memadam imej semasa dengan menyentuh skrin dalam langkah 2.
- Imej juga boleh ditagkan sebagai kesukaan dengan menggunakan Tindakan Sentuh (📖130).

3 Tamatkan proses penyediaan.


- Tekan butang <MENU>. Mesej pengesahan dipaparkan.
- Tekan butang <◀><▶> atau putar dail <🌀> untuk memilih [OK], dan kemudian tekan butang <📖>.



Kawalan Mudah Menggunakan Butang



Anda boleh mengaktifkan fungsi yang anda tetapkan pada butang <[S]> dengan cepat dan mudah.



1 Pilih [Set butang Pintasan].

- Tekan butang <MENU>, dan pilih [Set butang Pintasan] pada tab [▶] (26).

2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang <◀▶> atau putar dail <⦿> untuk memilih fungsi untuk ditetapkan, dan kemudian tekan butang <[FUNG SET]>.

3 Gunakan fungsi ditetapkan mengikut keperluan.

- Tekan butang <[S]> untuk mengaktifkan fungsi ditetapkan.




- Untuk mengembalikan tetapan lalai, pilih [S].
- Apabila [S] ditetapkan dan anda menekan butang <[S]> ketika kamera tidak disambungkan ke pencetak, imej yang akan ditetapkan untuk dicetak dan akan dicetak sebaik sahaja pencetak disambungkan.


Kawalan Mudah: Tindakan Sentuh

Anda boleh mengaktifkan fungsi yang telah anda tetapkan pada empat isyarat sentuh (Tindakan Sentuh), dalam paparan imej tunggal, dengan cepat dan mudah.

Menggunakan Fungsi yang Ditetapkan ke [↵]



- Seret melintasi skrin seperti yang ditunjukkan.
- Fungsi yang ditetapkan ke [↵] telah diaktifkan sekarang.




- Begitu juga, anda juga boleh mengaktifkan fungsi yang ditetapkan ke [↶], [↷], dan [↵] dengan menyeret melintasi skrin.
- Suaikan fungsi yang ditetapkan ke Tindakan Sentuh seperti yang diinginkan.



Menukar Fungsi Tindakan Sentuh


Untuk memudahkan operasi kamera yang anda suka, tetapkan semula corak seretan pada operasi tersebut seperti yang diinginkan.

1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang <MENU>, dan kemudian pilih [Set Touch Actions] pada tab  (📖26).

2 Tetapkan fungsi kepada Tindakan Sentuh.

- Tekan butang <▲><▼> atau putarkan dial <🔘> untuk memilih Tindakan Sentuh, dan kemudian tekan butang <◀><▶> untuk memilih fungsi yang akan ditetapkan.



Fungsi yang Boleh Ditetapkan

Kesukaan	Tag imej sebagai kesukaan, atau batal tag imej.
Kegemaran berikut	Tukar untuk memaparkan imej berikutnya yang ditagkan sebagai kesukaan.
Kegemaran seblm	Tukar untuk memaparkan imej sebelumnya yang ditagkan sebagai kesukaan.
Hb berikut	Tukar untuk memaparkan imej pertama dengan tarikh tangkapan seterusnya.
Hb sebelum	Tukar untuk memaparkan imej pertama dengan tarikh tangkapan sebelumnya.
Smart Shuffle	Mulakan main balik Kocok Pintar.
Pd kamera	
Pd Telefon Bijak	Akses skrin sambungan Wi-Fi.
Pd Komputer	Untuk butiran tentang Wi-Fi, lihat "Fungsi Wi-Fi" (📖139).
Pd Printer	
Pd Servis Web	
Transisi Slaid	Mulakan slideshow
Padam	Padam imej.
Lindung	Lindungi imej atau batalkan perlindungan.
Putar	Putar imej.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks




Mengedit Imej Pegun

- ! Pengeditan imej (📖 132 – 136) hanya tersedia apabila kad memori mempunyai ruang kosong yang mencukupi.

- ✎ Anda boleh mengakses skrin pengeditan untuk pelbagai fungsi dengan menyentuh imej selepas memilih fungsi dalam menu.
- Apabila [MENU] dipaparkan pada skrin pengeditan, anda boleh menyentuh [MENU], bukannya menekan butang <MENU>, jika anda lebih suka.
- Apabila [SET] dipaparkan pada skrin pengeditan, anda boleh menyentuh [SET], bukannya menekan butang <FUNC SET>, jika anda lebih suka.

Menukar Saiz Imej

Simpan imej salinan pada resolusi rendah.



1 Pilih [Tukar Saiz].


- Tekan butang <MENU>, dan pilih [Tukar Saiz] pada tab [📷] (📖 26).

2 Pilih satu imej.

- Tekan butang <◀><▶> atau putar dail <🕒> untuk memilih imej, dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.

3 Pilih saiz imej.

- Tekan butang <◀><▶> atau putar dail <🕒> untuk memilih saiz, dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.
- [Simpan imej baru?] dipaparkan.



- ! Pengeditan tidak boleh dilakukan bagi imej yang ditangkap dengan resolusi [S] (📖 50) atau disimpan sebagai [S] dalam langkah 3.
- Imej RAW tidak boleh diedit.

- ✎ Imej tidak boleh ditukar saiz ke resolusi yang lebih tinggi.

- ✎ Anda juga boleh mengkonfigurasi tetapan ini dengan menyentuh saiz pada skrin dalam langkah 3, sentuhinya sekali lagi, dan kemudian sentuh [OK].
- Anda juga boleh melihat imej yang disimpan dengan menyentuh [Ya] pada skrin dalam langkah 5.

4 Simpan imej baru.

- Tekan butang <◀><▶> atau putar dail <🕒> untuk memilih [OK], dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.
- Imej kini disimpan sebagai fail baru.

5 Semak imej baru.

- Tekan butang <MENU>. [Papar imej baru?] dipaparkan.
- Tekan butang <▲><▼> atau putar dail <🕒> untuk memilih [Ya], dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.
- Imej yang disimpan kini dipaparkan.

Sebelum
Penggunaan

Panduan Asas

Panduan
Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod
Auto Hibrid

Mod Penangkapan
Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1,
dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks



Memotong

Imej Pegun

Anda boleh menentukan satu bahagian daripada imej untuk disimpan sebagai fail imej berasingan.




1 Pilih [Memotong].

- Tekan butang <MENU>, dan pilih [Memotong] pada tab [▶] (📖26).

2 Pilih satu imej.


- Tekan butang <◀▶>>> atau putar dail <🌀> untuk memilih imej, dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.

Kawasan Dipotong



Pratonton Imej Selepas Dipotong

Resolusi Selepas Dipotong



3 Laraskan kawasan yang dipotong.

- Bingkai dipaparkan di sekeliling kawasan yang akan dipotong.
- Imej asal akan ditunjukkan di bahagian kiri atas, dan pratonton imej yang dipotong ditunjukkan di bahagian kiri bawah.
- Untuk menukar saiz bingkai, gerakkan tuas zum.
- Tekan butang <▲><▼><◀><▶> untuk menggerakkan bingkai.
- Untuk menukar orientasi bingkai, tekan butang <DISP.>.
- Wajah yang dikesan dalam imej dibingkaikan dalam bingkai kelabu di bahagian kiri atas imej. Untuk memotong imej mengikut bingkai ini, putar dail <🌀> untuk menukar ke bingkai yang lain.
- Tekan butang <FUNC SET>.

4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Ikuti langkah 4 – 5 dalam "Menukar Saiz Imej" (📖132).



- Pengeditan tidak boleh dilakukan bagi imej yang ditangkap dengan resolusi [S] (📖50) atau ditukar saiz ke [S] (📖132).
- Imej RAW tidak boleh diedit.



- Imej yang disokong untuk pemotongan akan memiliki nisbah bidang yang sama setelah pemotongan.
- Imej yang dipotong akan mempunyai resolusi yang lebih rendah daripada imej yang tidak dipotong.
- Jika anda memotong imej yang ditangkap menggunakan ID Wajah (📖43), hanya nama orang yang tertinggal dalam imej yang dipotong akan kekal.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks






- Untuk menggerakkan bingkai, seret mana-mana imej pada skrin dalam langkah 3.
- Anda juga boleh menukar saiz bingkai dengan mendekatkan atau menjauhan jari (📖121) pada skrin dalam langkah 3.

Imej Pegun

Menukar Ton Warna Imej (Warna Saya)

Anda boleh melaras warna imej dan menyimpan imej yang telah diedit sebagai fail yang berasingan. Untuk butiran bagi setiap pilihan, lihat “Menukar Ton Warna Imej (Warna Saya)” (📖85).



1 Pilih [My Colors].

- Tekan butang <MENU>, dan kemudian pilih [My Colors] pada tab [📺] (📖26).

2 Pilih satu imej.


- Tekan butang <◀>>> atau putar dail <🎛️> untuk memilih imej, dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.

3 Pilih pilihan.

- Tekan butang <◀>>> atau putar dail <🎛️> untuk memilih pilihan, dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.

4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Ikuti langkah 4 – 5 dalam “Menukar Saiz Imej” (📖132).



- Kualiti imej yang diedit berulang kali dengan cara ini akan berkurangan setiap kali diedit, dan anda mungkin tidak boleh mendapatkan warna yang diingini.
- Warna imej RAW tidak boleh diedit.



- Warna imej yang diedit menggunakan fungsi ini mungkin berbeza sedikit daripada warna imej yang ditangkap menggunakan Warna Saya (📖85).




- Anda juga boleh mengkonfigurasi tetapan ini dengan menyentuh pilihan pada skrin dalam langkah 3, dan kemudian sentuhnya sekali lagi.

Imej Pegun

Membetulkan Kecerahan Imej (i-Contrast)

Kawasan imej gelap yang berlebihan (seperti wajah atau latar belakang) boleh dikesan dan dilaraskan secara automatik ke kecerahan optimum. Kontras imej keseluruhan yang tidak mencukupi juga dibetulkan secara automatik, untuk membuatkan subjek lebih menonjol. Pilih daripada empat tahap pembetulan, dan kemudian simpan imej sebagai fail berasingan.



1 Pilih [i-Contrast].

- Tekan butang <MENU>, dan pilih [i-Contrast] pada tab [📺] (📖26).

2 Pilih satu imej.

- Tekan butang <◀>>> atau putar dail <🎛️> untuk memilih imej, dan kemudian tekan butang <FUNC SET>.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1, dan C2

Mod Main balik

Fungsi Wi-Fi


Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





3 Pilih pilihan.

- Tekan tombol <◀▶>> atau putar dial <⦿> untuk memilih pilihan, dan kemudian tekan tombol <FUNC SET>.

4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Ikuti langkah 4 – 5 dalam “Menukar Saiz Imej” (📖132).



- Bagi sesetengah imej, pembetulan mungkin tidak tepat atau mungkin menyebabkan imej kelihatan berbintik.
- Imej mungkin kelihatan berbintik setelah diedit berulang kali menggunakan fungsi ini.
- Imej RAW tidak boleh diedit dengan cara ini.




- Jika [Auto] tidak menghasilkan hasil yang diinginkan, cuba betulkan imej menggunakan [Rendah], [Sederhana], atau [Tinggi].



- Anda juga boleh menetapkan tetapan ini dengan menyentuh [<◀>|▶] pada skrin dalam langkah 3.

Membetulkan Mata Merah

Membetulkan imej yang dipengaruhi oleh mata merah secara automatik. Anda boleh menyimpan imej yang telah dibetulkan sebagai fail berasingan.



1 Pilih [Koreksi Red-Eye].

- Tekan tombol <MENU>, dan pilih [Koreksi Red-Eye] pada tab <▶> (📖26).

2 Pilih satu imej.

- Tekan tombol <◀▶>> atau putar dial <⦿> untuk memilih imej.

3 Betulkan imej.

- Tekan tombol <FUNC SET>.
- Mata-merah yang dikesan oleh kamera kini telah dibetulkan, dan bingkai dipaparkan di sekeliling kawasan imej yang dibetulkan.
- Besarkan atau kecilkan imej mengikut keperluan. Ikuti langkah dalam “Memperbesarkan Imej” (📖121).

4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Tekan tombol <▲><▼><◀>> atau putar dial <⦿> untuk memilih [Fail Baru], dan kemudian tekan tombol <FUNC SET>.
- Imej kini disimpan sebagai fail baru.
- Ikuti langkah 5 dalam “Menukar Saiz Imej” (📖132).







- Sesetengah imej mungkin tidak dibetulkan dengan tepat.
- Untuk menulis ganti imej asal dengan imej yang dibetulkan, pilih [Simpan pd asal] dalam langkah 4. Dalam keadaan ini, imej asal akan dipadam.
- Imej dilindungi tidak boleh ditulis ganti.
- Imej RAW tidak boleh diedit dengan cara ini.
- Pembetulan mata merah boleh digunakan untuk imej JPEG yang ditangkap dalam [RAW], tetapi imej asal tidak boleh ditulis ganti.



- Anda juga boleh menyimpan imej dengan menyentuh [Fail Baru] atau [Simpan pd asal] pada skrin dalam langkah 4.



Panel Mengedit Filem



Bar Mengedit Filem

Mengedit Filem

Anda boleh memotong filem untuk mengeluarkan bahagian yang tidak diperlukan pada bahagian awal atau akhir.

1 Pilih [🔍].

- Ikuti langkah 1 – 5 dalam “Melihat” (📖 112), pilih [🔍] dan tekan butang <⏮>.
- Panel dan bar pengeditan filem kini dipaparkan.

2 Tentukan bahagian yang akan dipotong.

- Tekan butang <▲><▼> untuk memilih [🔍] atau [🔍].
